

**CADANGAN UNTUK MENINGKATKAN PERSEPSI
KESELAMATAN DAN KETENTERAMAN AWAM BAGI KAJIAN
INDEKS PERSEPSI KESELAMATAN MALAYSIA (PSI) TAHUN
2021**

Haswira Nor Mohamad Hashim, Nor Fadzlina Nawawi, Ikmal Hisham Md Tah,
Mohd Amirul Akhbar Mohd Zulkifli, Zaiha Ahmad, Hariati Mansor,
Norlaila Md Zin, Mohd Rizaimy Shaharudin

ABSTRACT

The Malaysian Perception of Security Index (PSI) findings in 2021 show an increase in the perception of security and public order in Malaysia. This finding is in line with the measurement of the Malaysian Security Index (IKM) and the Malaysian Crime Index (IJM), where there was a decrease in the crime rate. Through the analysis, several aspects need to be emphasized by the KDN to improve the public's perception of public safety and order in Malaysia. Therefore, this paper aims to identify general and specific recommendations to improve security and public order perception. The recommendations presented include three main types of methods that can be used to increase the positive perception of the community, namely prevention and monitoring, law enforcement and community involvement. They are important in ensuring the efforts and measures can be continuously improved to reduce the number of crimes and improve the public's perception of security and public order in Malaysia. Implementing the proposals requires synergy between agencies, divisions and units under the Ministry of Home Affairs with agencies from other ministries. It needs to prioritize the method of nerve warfare, and every implementation needs to be publicized to the community, especially the target community segment, to develop a positive perception among the community members.

Keywords: *PSI, Recommendation, Perception, Security, Public Order*

ABSTRAK

Dapatan Kajian Persepsi Indeks Keselamatan Malaysia (PSI) pada tahun 2021 menunjukkan peningkatan persepsi terhadap keselamatan dan ketenteraman awam di Malaysia. Dapatan ini adalah selari dengan pengukuran Indeks Keselamatan Malaysia (IKM) dan Indeks Jenayah Malaysia (IJM) di mana terdapat penurunan kadar jenayah. Melalui analisis yang dijalankan terdapat beberapa aspek yang perlu dititikberatkan oleh pihak KDN bagi meningkatkan persepsi masyarakat terhadap keselamatan dan ketenteraman awam di Malaysia. Oleh yang demikian, kertas kerja ini bertujuan untuk mengenal pasti cadangan-cadangan umum dan khusus bagi meningkatkan persepsi keselamatan dan ketenteraman awam. Secara keseluruhannya, cadangan-cadangan yang dikemukakan merangkumi tiga jenis kaedah utama yang boleh diguna pakai bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat iaitu pencegahan dan pemantauan, penguatkuasaan undang-undang dan libat urus masyarakat. Cadangan-cadangan ini adalah penting supaya langkah-langkah serta usaha-usaha dapat ditingkatkan secara berterusan bagi mengurangkan jumlah jenayah dan seterusnya meningkatkan persepsi masyarakat terhadap keselamatan dan ketenteraman awam di Malaysia. Pelaksanaan cadangan ini memerlukan sinergi di antara agensi-agensi, bahagian dan unit di bawah KDN dengan agensi-agensi dari Kementerian lain. Ianya perlu mengutamakan kaedah perang saraf dan setiap cadangan yang dilaksanakan perlu dihebahkan kepada masyarakat khususnya segmen masyarakat yang menjadi sasaran agar persepsi yang positif boleh terbentuk.

Kata Kunci: *PSI, Cadangan, Persepsi, Keselamatan, Ketenteraman Awam*

1. PENGENALAN

Kajian Persepsi Indeks Keselamatan Malaysia (PSI) pada tahun 2021 adalah merupakan salah satu usaha Kementerian Dalam Negeri (KDN) untuk mengukur tahap keberkesanan penguatkuasaan yang telah dijalankan oleh agensi-agensi di bawah kementerian ini. Persepsi rasa selamat bersifat subjektif di mana pihak penguatkuasaan perlu menjalankan tugas secara konsisten. Bagi mewujudkan '*rasa selamat*' penguatkuasaan undang-undang perlu mengekang jenayah melalui proses '*huluan*' dan '*hiliran*'. Proses '*hilir*' merujuk kepada sistem keadilan jenayah melalui proses tangkapan, siasatan dan pendakwaan manakala proses '*huluan*' merujuk kepada usaha mencegah jenayah agar orang ramai selamat dan berasa selamat. Pelbagai usaha telah dijalankan semenjak tahun 2010 bagi menghalang aktiviti jenayah. Penggunaan kamera litar bersembunyi (CCTV), dron serta rondaan Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA) merupakan salah satu usaha untuk mencegah jenayah dan mewujudkan rasa selamat di kalangan orang ramai.

Secara keseluruhan, indeks keselamatan menunjukkan penurunan iaitu kadar jenayah telah menurun dari tahun 2020-2021. PSI telah meningkat dari 60.1% pada tahun 2020 kepada 64.47% pada tahun 2021. Dapatan ini adalah selari dengan pengukuran Indeks Keselamatan Malaysia (IKM) dan Indeks Jenayah Malaysia (IJM) di mana terdapat penurunan kadar jenayah. Penurunan ini adalah konsisten dengan peningkatan persepsi terhadap keselamatan dan ketenteraman awam di Malaysia. Ianya juga merupakan indikasi bahawa usaha-usaha pencegahan dan penguatkuasaan yang dijalankan oleh agensi-agensi di bawah KDN seperti PDRM, APMM, ESSCOM, PGA, JIM, JKDM dan sebagainya telah menunjukkan kesan yang positif.

Walau bagaimanapun, prestasi keseluruhan indeks PSI boleh ditingkatkan jika masyarakat mempunyai persepsi yang tinggi terhadap aktiviti pencegahan mengekang aktiviti jenayah serta memastikan negara berada dalam keadaan selamat sepanjang masa. Oleh itu, terdapat persoalan utama bagi kajian ini adalah "Apakah langkah-langkah yang perlu diambil oleh KDN bagi meningkatkan persepsi masyarakat terhadap keselamatan dan ketenteraman awam?". Bagi menjawab persoalan kajian tersebut, analisis

telah dijalankan terhadap data kaji selidik PSI bagi tahun 2021 (PSI, 2021). Data kaji selidik tersebut adalah melibatkan 15,461 responden dari seluruh negara yang mewakili 12 ciri demografik utama masyarakat di Malaysia. Melalui analisis yang dijalankan terdapat beberapa aspek yang perlu dititikberatkan oleh pihak KDN bagi meningkatkan persepsi masyarakat terhadap keselamatan dan ketenteraman awam di Malaysia. Oleh yang demikian, kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti cadangan-cadangan umum dan khusus bagi meningkatkan persepsi keselamatan dan ketenteraman awam. Ini termasuklah mengenal pasti kumpulan sasaran dan agensi peneraju bagi melaksanakan cadangan-cadangan tersebut. Cadangan-cadangan ini adalah penting supaya langkah-langkah serta usaha-usaha dapat ditingkatkan secara berterusan bagi mengurangkan jumlah jenayah dan seterusnya meningkatkan persepsi masyarakat terhadap keselamatan dan ketenteraman awam di Malaysia.

Artikel ini disusun dalam lima bahagian utama. Pada bahagian selanjutnya, kajian literatur mengenai cadangan-cadangan bagi kajian lepas. Ini diikuti oleh metodologi kajian yang dijelaskan pada bahagian ketiga, dan analisis data dibentangkan pada bahagian keempat. Bahagian kelima dan yang terakhir adalah kesimpulan kajian yang diringkaskan pada penghujung artikel ini.

2. SOROTAN LITERATUR

2.1 Kajian Indeks Persepsi Keselamatan Malaysia (PSI)

Institut Keselamatan Awam Malaysia (IPSOM), Kementerian Dalam Negeri telah mula menjalankan Kajian Persepsi Indeks Keselamatan Malaysia atau Perception of Security Index (PSI) pada tahun 2019. Kajian ini telah dijalankan melalui kerjasama bersama Universiti Kebangsaan Malaysia bagi membangunkan indeks persepsi keselamatan Malaysia yang bertunjangkan enam teras Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam 2019 (DKKA 2019). Kajian ini diteruskan pada tahun 2020 (PSI, 2020) dan 2021 (PSI, 2021) melalui kerjasama strategik bersama Universiti Teknologi MARA (UiTM). Penambahbaikan kerangka metodologi dan instrumen-instrumen Indeks Keselamatan telah dilakukan dalam kajian ini bagi memastikan dapatan indeks

adalah setaraf dengan tahap indeks antarabangsa seperti Global Peace Index (GPI), Safe Cities Index (SSI), Global Residence Index (GRI), Safety Index (SI), World Safest Countries–Global Finance dan lain-lain. Indeks-indeks antarabangsa ini telah dijadikan sebagai sumber rujukan serta penanda aras bagi membangunkan indeks keselamatan dan ketenteraman awam yang lebih holistik dan inklusif.

2.2 Cadangan Meningkatkan Persepsi Keselamatan dan Ketenteraman Awam Pada Tahun 2020

Kajian PSI Tahun 2020 (PSI, 2020) telah menggariskan beberapa cadangan yang komprehensif dan bersifat umum untuk KDN serta semua agensi dan jabatan di bawah KDN. Antara ringkasan cadangan yang dikemukakan mengikut enam teras di bawah DKKA 2019 adalah seperti berikut:

- i) Teras 1: Mempertahankan Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang dan Institusi Utama Negara
Cadangan yang dikemukakan memfokuskan kepada pelaksanaan kempen perang/gerak saraf yang lebih berkesan, proaktif dalam menangkis serta menyerang balas berita-berita yang bersifat hasutan, mengenakan tindakan tegas ke atas penghasut dan mempelbagaikan platform penyampaian maklumat.
- ii) Teras 2: Meningkatkan Tadbir Urus dan Integriti Agensi Penguatkuasaan Keselamatan
Bagi Teras2, cadangan yang dikemukakan adalah keperluan meningkatkan aset dan modal insan, menambah baik imej agensi melalui berita-berita yang harmoni, perkongsian maklumat dengan orang awam, mengambil tindakan tegas terhadap kakitangan yang terlibat dalam pemalsuan dokumen dan pencerobohan data, penggunaan sistem digitalisasi bagi sijil kelahiran dan lain-lain lagi.
- iii) Teras 3: Memperkukuhkan Kawalan Keselamatan Sempadan Negara
Cadangan yang diberikan bagi meningkatkan persepsi masyarakat terhadap keselamatan bagi Teras 3 melibatkan kesiapsiagaan aset dan infrastruktur maritim, mempergiatkan usaha menjaga keselamatan

perairan Malaysia melalui kesinambungan National Task Force (NTF), mempertingkatkan modal insan dan kompetensi anggota penguatkuasaan, memantapkan pengurusan pekerja asing, penyenaian pesalah warga asing sebagai 'Persona Non Grata' mengenakan tindakan undang-undang kepada warganegara Malaysia yang menggajikan PATI atau menyewa rumah kepada PATI dan lain-lain lagi.

iv) Teras 4: Menjamin Keselamatan dan Ketenteraman Awam

Cadangan bagi meningkatkan persepsi masyarakat terhadap Teras 4 adalah berkisar tentang keperluan meningkatkan aset dan modal insan pasukan Polis Diraja Malaysia (PDRM), penambahbaikan imej PDRM, kerjasama dengan penduduk (PDRM-Community Partnership), pemerkasaan penguatkuasaan undang-undang, mempelbagaikan bahan kempen seperti *e-book*, bahan kandungan dalam pelbagai bentuk yang menarik dan ringkas serta dalam pelbagai bahasa untuk dikongsi bersama masyarakat, mempergiatkan lagi program-program kemasyarakatan dan lain-lain lagi.

v) Teras 5: Memerangi Gejala Dadah

Cadangan yang dikemukakan bagi Teras 5 adalah berkaitan dengan mempelbagaikan aktiviti dan medium promosi melalui platform media sosial untuk menarik minat golongan muda menyertai RELA, membantu AADK dalam membanteras gejala penyalahgunaan dadah di kalangan remaja, mewujudkan pendekatan perkongsian maklumat (knowledge sharing) dengan agensi-agensi kerajaan seperti i-LEAD (di bawah Kementerian Belia dan Sukan) bagi melaksanakan perkongsian 'best practices' untuk mengurangkan masalah penagih berulang, meningkatkan risikan dalam pusat pemulihan, menambah baik aspek fizikal dan silibus di pusat pemulihan dan lain-lain lagi.

vi) Teras 6: Melindungi Aset Dan Sasaran Penting Negara

Bagi Teras 6 pula beberapa cadangan telah dikemukakan yang melibatkan, penambahan aset dan teknologi terkini seperti kapal, bot pemintas untuk mengekang aktiviti penyeludupan yang menggunakan kapal laut berkuasa tinggi, penambahan aset terkini seperti kapal yang lebih laju dan bot pemintas, penambahan peralatan berteknologi tinggi

seperti ‘mobile radar’ dan menaik taraf sistem maklumat data yang telah “obsolete”.

3. METODOLOGI

Skop analisis merangkumi data kaji selidik Kajian PSI Tahun 2021 (PSI, 2021) bagi keenam-enam teras yang terkandung dalam DKKK 2019. Kriteria pemilihan analisis adalah isu-isu keselamatan dan ketenteraman awam yang merekodkan tahap persepsi negatif masyarakat melebihi nilai ambang iaitu lima puluh peratus (50%). Selain itu, persepsi terhadap isu-isu keselamatan dan ketenteraman awam yang berada pada tahap rendah (51%-52%) juga turut diambil kira sebagai sebahagian dari kriteria analisis.

Justeru itu, bagi memenuhi persoalan kajian, kajian ini telah mengenal pasti empat kaedah umum yang boleh diguna pakai bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap keselamatan dan ketenteraman awam di kalangan masyarakat. Cadangan umum adalah cadangan yang boleh diguna pakai dan diaplikasikan oleh kesemua agensi di bawah KDN. Cadangan terhadap keempat-empat kaedah umum iaitu pencegahan/pemantauan, penguatkuasaan undang-undang, libat urus masyarakat dan perang saraf media serta aktiviti-aktiviti yang terlibat adalah disenaraikan di dalam Jadual 1.

Manakala, cadangan-cadangan khusus adalah cadangan yang menjurus mengikut kesesuaian agensi-agensi tertentu sahaja. Oleh itu, cadangan-cadangan khusus yang memperincikan pemakaian kaedah-kaedah umum tersebut akan dibincangkan berdasarkan isu-isu bagi setiap teras berkenaan dengan mengenal pasti kumpulan sasaran dan agensi peneraju bagi melaksanakan cadangan-cadangan tersebut. Kumpulan sasaran bagi meningkatkan persepsi positif untuk setiap cadangan dikenal pasti berdasarkan analisis demografi dapatan kaji selidik, dan sorotan kesusasteraan ke atas laporan rasmi, laporan akhbar dan kertas penyelidikan ilmiah. Cadangan berkaitan perang saraf media bagi kesemua isu yang dikenal pasti akan dibincangkan di bahagian yang berasingan di mana isu-isu berkenaan akan mengguna pakai kaedah perang saraf media yang sama.

Jadual 1: Kaedah Umum dan Aktiviti Meningkatkan Persepsi Masyarakat terhadap Keselamatan dan Ketenteraman Awam

Kaedah Umum	Pencegahan/ Pemantauan	Penguatkuasaan Undang-Undang	Libat Urus Masyarakat	Perang Saraf Media
Aktiviti	Pengawasan	Siasatan	Perundingan Awam • sesi 'town hall' • soal selidik	Hebahan Media
	Kawalan	Tangkapan	Kepolisan Masyarakat • ziarah kejrangan • ziarah sekolah/IPT	Khidmat Pesanan Masyarakat
	Operasi	Rampasan	• ziarah rumah ibadat • pemantauan di kawasan kejrangan (Neighbourhood watch)	Program Televisyen • dokumentari khas • drama bersiri • rancangan Televisyen reality
	Rondaan	Dakwaan	• PPP di sekolah	
	Sekatan	Hukuman		

4. ANALISIS DATA

Secara keseluruhan, analisis data menunjukkan terdapat beberapa instrumen dari tiga teras iaitu Teras 3, Teras 4 dan Teras 5 merekodkan tahap persepsi negatif yang melebihi nilai ambang yang telah ditetapkan. Manakala, kebanyakan instrumen-instrumen dari tiga teras iaitu Teras 1, Teras 2 dan Teras 6 menunjukkan persepsi positif. Oleh yang demikian, cadangan yang dikemukakan dalam bab ini tidak tertumpu kepada tiga teras yang mempunyai persepsi positif (Teras 1, Teras 2, Teras 6) kerana teras-teras ini tidak memberi impak negatif kepada keseluruhan penilaian terhadap prestasi PSI bagi tahun 2021. Walau bagaimanapun, bagi memperoleh kesan positif yang berterusan terhadap persepsi masyarakat bagi teras-teras ini di masa hadapan, inisiatif sedia ada melalui pencegahan/pemantauan, penguatkuasaan undang-undang, libat urus masyarakat oleh agensi-agensi penguatkuasaan perlu dikekalkan dan ditambah baik mengikut keperluan dari semasa ke semasa. Usaha-usaha yang telah dijalankan oleh agensi-agensi terbabit telah menunjukkan kesan-kesan yang positif dan diterima baik oleh masyarakat.

4.1 Teras 3: Mengukuhkan Keselamatan Kawalan Sempadan Negara

Bahagian D instrumen kaji selidik mengandungi lima instrumen yang dirangka untuk menilai persepsi masyarakat terhadap teras 3: Memperkukuhkan Kawalan Keselamatan Sempadan. Dapatan kaji selidik bagi teras 3 memberi tumpuan kepada tiga permasalahan dalam kawalan keselamatan sempadan iaitu masalah pencerobohan, penyeludupan, dan jenayah kekerasan di sempadan. Kaji selidik telah memecahkan permasalahan-permasalahan tersebut kepada lima isu utama iaitu jenayah kekerasan, penyeludupan dadah, pencerobohan darat, penyeludupan barang, dan pencerobohan perairan negara. Secara keseluruhannya terdapat empat isu yang merekodkan persepsi negatif dan satu isu yang merekodkan persepsi positif yang melebihi nilai ambang. Jadual 2 mengandungi isu-isu yang telah dikenal pasti tersebut.

Jadual 2: Isu-isu di Bawah Teras 3 DKKA dengan Persepsi Negatif/Positif yang Melebihi Nilai Ambang

Item	Isu-Isu	Persepsi Negatif	Segmen Masyarakat
DA1	Jenayah kekerasan di sempadan	Tinggi: 4956 Sangat Tinggi:2310 Peratusan: 46.99%	Umur 31-60 (5600) Pekerjaan Swasta (3354) Negeri Menetap Sabah (3073) Pendidikan Menengah (3558) PBT Perbandaran (4350)
DA2	Penyeludupan dadah di sempadan	Tinggi: 6144 Sangat tinggi:3556 Peratusan: 62.74%	Umur 31-60 (7334) Pekerjaan Awam (4286) Negeri Menetap Sabah (3176) Pendidikan Menengah (4987) PBT Perbandaran (5171)
DA3	Pencerobohan di sempadan darat	Tinggi: 5824 Sangat tinggi:3495 Peratusan: 60.27%	Umur 31-60 (7117) Pekerjaan Awam (4052) Negeri Menetap Sabah (3203) Pendidikan Menengah (4673) PBT Perbandaran (4997)

DA4	Penyeludupan barangan kawalan, bercukai, dan wang haram	Tinggi:7042 Sangat tinggi:2494 Peratusan 61.68%	Umur 31-60 (7268) Pekerjaan Swasta (3521) Negeri Menetap Sabah (3183) Pendidikan Menengah (4820) PBT Perbandaran (5095)
DA5	Pencerobohan di perairan Malaysia	Tinggi: 3986 Sangat tinggi:5057 Peratusan: 58.49%	Umur 31-60 (6935) Pekerjaan Swasta (3870) Negeri Menetap Sabah (3172) Pendidikan Menengah (4503) PBT Perbandaran (4882)

4.2 Teras 4: Menjamin Keselamatan Ketenteraman Awam (Jenayah Indeks: Rompakan, Rogol, Curi, Jenayah Harta Benda)

Bahagian E instrumen kaji selidik mengandungi lima pernyataan yang dirangka untuk menilai persepsi masyarakat terhadap Teras 4: Menjamin keselamatan dan ketenteraman awam. Secara keseluruhannya terdapat tiga kategori jenayah di bawah jenayah indeks yang merekodkan persepsi negatif yang melebihi nilai ambang; iaitu jenayah rompakan, curi dan rogol. Jadual 3 mengandungi isu-isu yang telah dikenal pasti.

Jadual 3: Isu-isu di Bawah Teras 4 DKKA dengan Persepsi Negatif/Positif yang Melebihi Nilai Ambang

Item	Isu-Isu	Persepsi Negatif	Segmen Masyarakat
EA1	Jenayah Rompakan	Indeks: Tinggi: 5088 Sangat Tinggi: 2431 Peratusan: 48.63%	Umur 31-60 (5772) Pekerjaan Swasta (3417) Negeri Menetap Sabah (3063) Pendidikan Menengah (1296) PBT Perbandaran (4374)
EA3	Jenayah Rogol	Indeks: Tinggi: 2955 Sangat tinggi:4025 Peratusan: 45.14%	Umur 31-60 (5318) Pekerjaan Swasta (3305) Negeri Menetap Sabah (3015) Pendidikan Menengah (3306) PBT Perbandaran (4231)

EA5	Jenayah Indeks: Tinggi: 6349 Jenayah Harta Benda	Sangat tinggi:1792 Peratusan: 52.65%	Umur 31-60 (7334) Pekerjaan Swasta (3397) Negeri Menetap Sabah (3090) Pendidikan Menengah (3918) PBT Perbandaran (4530)
EA6	Jenayah Indeks: Curi Tinggi: 4197	Sangat tinggi:3989 Peratusan:52.94%	Umur 31-60 (5891) Pekerjaan Awam (3972) Negeri Menetap Sabah (2118) Pendidikan Menengah (3466) PBT Perbandaran (3876)

4.3 Teras 4: Menjamin Keselamatan dan Ketenteraman Awam (Jenayah Komersil Dan Siber)

Bahagian D instrumen kaji selidik mengandungi lima pernyataan yang dirangka untuk menilai persepsi masyarakat terhadap Teras 4: Menjamin keselamatan dan ketenteraman awam. Secara keseluruhannya terdapat ketigatiga isu kes Jenayah Penipuan, kes Pinjaman ‘Ah Long’ dan kes Jenayah Penipuan menggunakan internet merekodkan persepsi negatif yang melebihi nilai ambang. Jadual 4 mengandungi isu-isu yang telah dikenal pasti tersebut.

Jadual 4: Isu-isu di Bawah Teras 4 DKKA dengan Persepsi Negatif/Positif yang Melebihi 50 peratus

Item	Isu-Isu	Persepsi Negatif	Segmen Masyarakat
EA9	Penipuan (Contoh: penipuan kad kredit, peraduan SMS, pelaburan, e-mel, bomoh, nombor ramalan, <i>Macau scam</i> , <i>African scam</i> , pembelian atas talian, cabutan bertuah, pinjaman tidak wujud dan penipuan penyamaran)	Tinggi: 5087 Sangat Tinggi: 6543 Peratusan: 75.22	Umur 31-60 (5600) Pekerjaan Swasta (3354) Negeri Menetap Sabah (3073) Pendidikan Menengah (3558) PBT Perbandaran (4350)
E10	Pinjaman Ah Long	Tinggi: 5201 Sangat tinggi:5793	Umur 31-60 (7334) Pekerjaan Awam (4286)

	Peratusan: 71.11%	Negeri Menetap Sabah (3176) Pendidikan Menengah (4987) PBT Perbandaran (5171)
E11	Penipuan menggunakan internet (Contoh: laman sesawang palsu, penipuan menggunakan internet (e-scam), jenayah kriptu, <i>ransomware</i> , e-godam	Tinggi: 5153 Sangat tinggi:6577 Peratusan: 75.87%
		Umur 31-60 (7117) Pekerjaan Awam (4052) Negeri Menetap Sabah (3203) Pendidikan Menengah (4673) PBT Perbandaran (4997)

4.4 Teras 4: Menjamin Keselamatan dan Ketenteraman Awam (Ideologi Ekstremisme)

Bahagian E instrumen kaji selidik mengandungi jenayah berkaitan ideologi iaitu liberalisme, LBGQT, dan hasutan. Kajian ini dirangka bagi menilai persepsi masyarakat terhadap Teras 1 iaitu Mempertahankan Keluhuran Perlembagaan, Kedaulatan Undang-Undang dan Institusi Utama Negara, Teras 2 iaitu Meningkatkan Tadbir Urus dan Integriti Agensi Penguatkuasaan Keselamatan dan Teras 4 iaitu Menjamin Keselamatan dan Ketenteraman Awam. Terdapat tiga (3) isu yang merekodkan persepsi negatif yang melebihi nilai ambang iaitu liberalisme, LBGQT dan hasutan. Jadual 5 mengandungi isu-isu yang dikenal pasti melibatkan:

Jadual 5: Isu-Isu Membabitkan Jenayah Ideologi dengan Persepsi Negatif yang Melebihi Nilai Ambang

Item	Isu-Isu	Persepsi Negatif	Segmen Masyarakat
EB2	Liberalisme	Tinggi: 3024 Sangat Tinggi:3061 Peratusan: 59.3%	Umur 31-60 (6399) Pekerjaan Awam (5305) Negeri Menetap Sabah (3557) Pendidikan Menengah (5808) PBT Perbandaran (5630)
EB3	LGBTQ	Tinggi: 1954 Sangat tinggi:3248 Peratusan: 50.7%	Umur 31-60 (6649) Pekerjaan Awam (5762) Negeri Menetap Sabah (3609) Pendidikan Menengah (6169) PBT Perbandaran (5874)
EB5	Hasutan	Tinggi: 2266 Sangat tinggi:3970 Peratusan: 60.7%	Umur 31-60 (6649) Pekerjaan Awam (5762) Negeri Menetap Sabah (3609) Pendidikan Menengah (6169) PBT Perbandaran (5874)

4.5 Teras 5: Memerangi Gejala Dadah (Pengedaran dan Penagihan)

Bahagian F instrumen kaji selidik mengandungi dua pernyataan yang dirangka untuk menilai persepsi masyarakat terhadap Teras 5: Memerangi gejala dadah. Instrumen kaji selidik Teras 5 memberi tumpuan kepada dua permasalahan dalam memerangi gejala dadah iaitu masalah pengedaran serta penggunaan dadah. Kedua-dua isu tersebut merekodkan persepsi negatif yang melebihi nilai ambang seperti yang ditunjukkan dalam Jadual 6.

Jadual 6: Isu-Isu di bawah Teras 5 DKKA dengan Persepsi Negatif/Positif yang Melebihi Nilai Ambang

Item	Isu-Isu	Persepsi Negatif	Segmen Masyarakat
FA1	Pengedaran dadah	Tinggi: 7574 Sangat Tinggi:3563 Peratusan: 72%	Umur 31-60 (6399) Pekerjaan Awam (5305) Negeri Menetap Sabah (3557) Pendidikan Menengah (5808) PBT Perbandaran (5630)
FA2	Penagihan dadah	Tinggi: 6635 Sangat tinggi:7140 Peratusan: 76%	Umur 31-60 (6649) Pekerjaan Awam (5762) Negeri Menetap Sabah (3609) Pendidikan Menengah (6169) PBT Perbandaran (5874)

4.6 Menangani Persepsi Negatif Masyarakat Melalui Perang Saraf Media

Kaedah perang saraf media didapati boleh meningkatkan persepsi keselamatan di kalangan masyarakat Jika pengamatan dilakukan kita akan mendapati betapa komunikasi di Malaysia sebenarnya telah jauh melangkaui dan melepasi batasan sempadan jika dibandingkan dengan negara-negara serantau. Umpamanya laporan yang dikemukakan oleh Reuters Institute of Journalism Oxford menyatakan bahawa Malaysia adalah antara negara yang penduduknya mencapai berita menerusi aplikasi media sosial iaitu Facebook sebanyak 58 peratus. Ini diikuti dengan WhatsApp sebanyak 51 peratus dan seterusnya YouTube sebanyak 26 peratus. Ini menunjukkan berlakunya perubahan dari sudut dapatan berita yang menyaksikan pada hari ini sumber pemberitaan yang diakses oleh penduduk di Malaysia tidak lagi bergantung sepenuhnya kepada media arus perdana yang konvensional sifatnya.

5. PERBINCANGAN

5.1 Cadangan Meningkatkan Persepsi Keselamatan Bagi Teras 3: Mengukuhkan Keselamatan Kawalan Sempadan Negara

5.1.1 Jenayah Kekerasan di Sempadan

Pencegahan dan Pemantauan. Bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu jenayah kekerasan di sempadan, terdapat dua cadangan khusus yang boleh diambil. Pertama, menggiatkan aktiviti pencegahan/pemantauan ke atas ahli-ahli kumpulan jenayah terancang yang beroperasi di sempadan negara. Kedua, mengeluarkan lesen khidmat kawalan keselamatan di atas kapal-kapal dagang dan kapal persiaran bagi mengekang aktiviti lanun di Selat Melaka dan pantai timur Sabah. Cadangan ini disasarkan kepada penduduk di kawasan panas seperti Bukit Kayu Hitam, Rantau Panjang, dan Lahad Datu. Adalah dicadangkan supaya PDRM menjadi agensi peneraju utama bagi kesemua cadangan ini dengan sokongan KDN dan Yang Berhormat Menteri.

Penguatkuasaan Undang-Undang. Terdapat dua cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu jenayah kekerasan di sempadan. Pertama, memastikan penjenayah yang menyerang atau menembak orang awam dan anggota penguat kuasa di sempadan segera ditangkap, didakwa dan dihukum. Kedua, memastikan pelaku jenayah kekerasan di sempadan yang melarikan diri ke negara jiran berjaya dibawa balik di bawah perjanjian ekstradisi untuk didakwa dan dihukum di Malaysia. Cadangan ini disasarkan kepada masyarakat umum. Adalah dicadangkan supaya PDRM menjadi agensi peneraju bagi kesemua cadangan ini dengan kerjasama Unit Antarabangsa KDN, AGC dan Kementerian Luar Negeri.

Libat Urus Masyarakat. Terdapat dua cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu jenayah kekerasan di sempadan. Pertama, melakukan rondaan secara berkala kepada penduduk setempat yang terdedah kepada jenayah kekerasan di sempadan. Kedua, menyediakan khidmat kaunseling kepada orang awam yang menjadi mangsa jenayah kekerasan di sempadan. Cadangan ini disasarkan kepada penduduk di sempadan. Adalah dicadangkan supaya PDRM menjadi agensi peneraju bagi kesemua cadangan ini.

5.1.2 Penyeludupan Dadah di Sempadan

Pencegahan dan Pemantauan. Terdapat tiga cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu penyeludupan dadah

di sempadan. Pertama, membangunkan kawasan perbandaran (*border township*) di sepanjang sempadan. Kedua, pemasangan kamera litar tertutup (CCTV) di kawasan-kawasan berpotensi berlaku aktiviti penyeludupan bagi mengelakkan tanggapan sempadan negara adalah terbuka luas dan mudah dibolosi. Ketiga, mempelbagaikan taktik dan strategi pencegahan/pemantauan di kawasan sempadan agar tampak inovatif dan berkesan di mata masyarakat. Kesemua cadangan ini disasarkan kepada penduduk kawasan panas. Adalah dicadangkan supaya Bahagian K, KDN menjadi peneraju utama bagi kesemua cadangan ini dengan kerjasama PGA dan AADK.

Penguatkuasaan Undang-Undang. Terdapat tiga cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu penyeludupan dadah di sempadan. Pertama, memastikan lebih banyak ketua kartel dadah didakwa dan dihukum di mahkamah. Kedua, meningkatkan tahap sabitan kes-kes penyeludupan dadah yang didakwa di mahkamah. Ketiga, menyemak semula pindaan Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Peraturan-peraturannya yang memperuntukkan hukuman lebih ringan kepada keldai dadah bagi mengelakkan peruntukan tersebut dimanipulasikan. Kesemua cadangan ini disasarkan kepada masyarakat umum. Adalah dicadangkan supaya PDRM menjadi agensi peneraju utama bagi kesemua cadangan ini dengan kerjasama Jabatan Peguam Negara (AGC).

Libat Urus Masyarakat. Terdapat dua cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu penyeludupan dadah di sempadan. Pertama, adalah dengan mendekati penduduk tempatan (di sempadan) dan pelajar sekolah yang berisiko diupah sebagai “tonto” versi tidak agresif yang menyalurkan maklumat pergerakan pasukan keselamatan. Dalam erti kata lain, transformasi masyarakat setempat daripada ‘tonto’ kepada ampama yang berfungsi untuk membekalkan maklumat mengenai penyeludupan dadah kepada pihak berautoriti perlu dibangunkan segera. Sebagai imbalan, pemberi maklumat diberi ganjaran kewangan atau dibangunkan sistem ganjaran mata (*reward points*) di mana ganjaran mata ini boleh digunakan untuk membeli belah, membayar saman, membayar apa-apa transaksi berkaitan kerajaan dan sebagainya. Kedua, mempertingkatkan peranan ROS, NGO dan entiti kemasyarakatan untuk meningkatkan keselamatan awam dan juga kesedaran masyarakat terhadap bahaya dadah. Cadangan ini disasarkan kepada

penduduk di sempadan. Adalah dicadangkan supaya PDRM menjadi agensi peneraju utama bagi kesemua cadangan ini dengan kerjasama AADK, ROS dan NGO.

5.1.3 Pencerobohan di Sempadan Darat

Pencegahan dan Pemantauan. Terdapat tujuh cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu pencerobohan di sempadan darat. Pertama, daerah-daerah yang rentan kepada pencerobohan sempadan darat diisytiharkan sebagai zon keselamatan sebagaimana pengisytiharan *Eastern Sabah Security Zone (ESSZONE)*. Kedua, diwujudkan zon penampakan di sepanjang sempadan yang dikawal oleh tentera kedua-dua negara. Ketiga, mengukuhkan sempadan dengan membina pagar sempadan yang dilengkapi elektrik di sepanjang sempadan darat. Keempat, penggunaan secara intensif dan meluas kamera litar tertutup (CCTV), dron dan lain-lain instrumen tinjauan keselamatan di sepanjang sempadan darat Malaysia. Kelima, anggota kawalan sempadan dilengkapi dengan kamera badan, teropong malam, dan senjata berat. Keenam, menggunakan unit anjing pengesanan K9 untuk meluaskan kawasan rondaan di kawasan sempadan. Ketujuh, pihak pengurusan atasan memastikan anggota penguat kuasa yang menjalankan tugas di sempadan kelihatan cergas dan tidak obes. Kesemua cadangan disasarkan kepada penduduk-penduduk di kawasan panas yang terdedah kepada pencerobohan sempadan darat. Adalah dicadangkan supaya JIM menjadi agensi peneraju bagi kesemua cadangan ini dengan dibantu oleh PGA, Bahagian K dan Unit Integriti, KDN.

Penguatkuasaan Undang-Undang. Terdapat tujuh cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu pencerobohan di sempadan darat. Pertama, merobohkan perkampungan haram dan lain-lain perkampungan PATI secara total dan kekal. Kedua, mengenakan hukuman yang berat melalui penambahan kompaun, denda dan mengenakan hukuman sebat di bawah Akta Imigresen (Akta 155) ke atas individu atau kumpulan yang masuk ke Malaysia secara tidak sah. Ketiga, mengguna pakai Akta Kesalahan Keselamatan (Langkah-Langkah Khas) 2012 (SOSMA) yang tidak membenarkan jaminan dan hukuman yang lebih berat seperti sebatan bagi menangani isu-isu pencerobohan sempadan darat. Keempat, memperkenalkan

hukuman mati mandatori ke atas tekong-tekong darat dan laut yang membawa masuk PATI.

Kelima, menyiasat dengan lebih terperinci terhadap individu yang dipercayai mempunyai dua kewarganegaraan yang membolehkan mereka keluar masuk Malaysia tanpa sekatan. Ini kerana, dasar kerajaan Malaysia adalah tidak mengiktiraf pemilikan lebih daripada satu kewarganegaraan dan seseorang warganegara Malaysia boleh dikenakan tindakan pelucutan kewarganegaraan Malaysia seperti yang diperuntukkan di bawah Perkara 24 (1) Perlembagaan Persekutuan. Keenam, memperketatkan syarat bagi pas lawatan sosial dan lain-lain pas yang dikeluarkan kepada pelawat asing untuk memasuki Malaysia. Ketujuh, penguatkuasaan undang-undang yang lebih ketat terhadap pendatang tanpa izin selaras dengan Akta Imigresen 1959/63 (Akta 155). Kesemua cadangan ini disasarkan kepada masyarakat secara umum. Adalah dicadangkan supaya PDRM menjadi agensi peneraju kesemua cadangan ini dengan dibantu oleh JIM dan Unit Undang-Undang, KDN.

Libat Urus Masyarakat. Terdapat tiga cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu pencerobohan di sempadan darat. Pertama, mengguna pakai saluran maklumat aduan komuniti dan aduan jenayah RELA sebagai saluran tambahan untuk masyarakat di sempadan menyampaikan maklumat berhubung pencerobohan. Kedua, mendapatkan pendapat penduduk setempat berhubung dengan cara-cara menangani insiden pencerobohan sempadan di kawasan mereka. Ketiga, melibatkan penyertaan penduduk setempat, dengan mendapatkan buah fikiran mereka mengenai gambaran lebih tepat dari segi aktiviti, modus operandi dan laluan-laluan tikus penyeludupan bagi mengenal pasti penyelesaian yang paling ampuh. Adalah dicadangkan supaya PDRM menjadi agensi peneraju kesemua cadangan ini dengan dibantu oleh RELA.

5.1.4 Penyeludupan Barangan Kawalan, Bercukai dan Wang Haram

Pencegahan dan Pemantauan. Terdapat lapan cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu penyeludupan barangan kawalan, bercukai dan wang haram. Pertama, menjalankan rondaan berkala secara rawak dengan lebih kerap di kawasan sempadan. Kedua,

meningkatkan latihan kompetensi pegawai dan pasukan penguat kuasa di kawasan panas aktiviti penyeludupan. Ketiga, mengamalkan sistem penggiliran tempat bertugas anggota penguat kuasa sempadan secara tetap dan kerap dan memantau aktiviti mereka bagi mengurangkan penyelewengan di kalangan anggota penguat kuasa. Keempat, menempatkan dan menambah kuasa Pegawai Integriti (CEIO) dan pegawai SPRM di agensi-agensi kawalan sempadan. Kelima, segera merobohkan pangkalan haram, pelantar atau tapak khusus untuk menyeludup barang. Keenam, menaik taraf Jalan Keselamatan dan Pembangunan (KESBAN) bagi mengurangkan jalan-jalan yang tersembunyi yang menjadi lorong-lorong tikus agar kawalan sempadan dapat dipertingkatkan pada masa hadapan.

Ketujuh, memperluaskan penggunaan alat pengesan nombor pendaftaran automatik (ANPR) kenderaan untuk mengatasi kes pemalsuan nombor plat pendaftaran dan mengekang penyeludupan kereta. Walau bagaimanapun, terdapat beberapa kekangan teknikal penggunaan ANPR. Kekangan teknikal ini perlu diatasi sebelum ANPR dapat digunakan dengan efektif. Kelapan, JKDM perlu mewajibkan penggunaan pengimbas bagi lori dan kenderaan yang masuk di sempadan. Pengimbas perlu dinaik taraf kepada pengimbas berteknologi tinggi yang digunakan secara mandatori kepada semua lori dan kenderaan yang masuk ke Malaysia di semua pintu masuk sempadan negara. Penyelenggaraan pengimbas adalah penting untuk memastikan peralatan sentiasa berfungsi pada tahap optimum. Kesemua cadangan ini disasarkan kepada penduduk di kawasan panas. Adalah dicadangkan supaya PDRM menjadi agensi peneraju bagi cadangan ini dengan bantuan SPRM, PGA dan JKDM.

Penguatkuasaan Undang-Undang. Terdapat empat cadangan bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu barangan kawalan, bercukai dan wang haram. Pertama, melaksanakan dengan ketat peraturan mengisytiharkan kenderaan dan penumpang yang memasuki sempadan kepada JIM dan JKDM. Kedua, meningkatkan penguatkuasaan dan tangkapan ke atas tekong darat di bawah Akta Anti-Pemerdagangan Orang dan Anti Penyeludupan Migran (ANTIPSOM) 2007 dan tangkapan di bawah Akta AMLA/Kastam/MAQIS di sempadan. Ketiga, menempatkan pegawai (integriti) SPRM di ICQS dan CIQ bagi tujuan '*check and balance*'. Keempat,

meningkatkan penguatkuasaan untuk makanan dan haiwan liar yang di seludup. Kesemua cadangan ini disasarkan kepada masyarakat umum. Adalah dicadangkan supaya PDRM menjadi agensi peneraju bagi kesemua cadangan ini dengan bantuan SPRM, JIM, JKDM, MAQIS dan PERHILITAN.

Libat Urus Masyarakat. Terdapat empat cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu barangan kawalan, bercukai dan wang haram. Pertama, menubuhkan jawatankuasa bertindak melibatkan penduduk di sempadan bagi mengesan aktiviti atau individu mencurigakan di sempadan. Kedua, memberi insentif kewangan kepada anggota masyarakat yang bertindak sebagai '*whistle blower*' identiti penguat kuasa rasuah, khianat dan sabotaj. Ketiga, ampama perlu mendapat imbalan dari JKDM berdasarkan nilai rampasan barang kawalan, bercukai, wang haram yang di seludup masuk atau keluar Malaysia. Keempat, memperkukuhkan fungsi dan peranan RELA kerana keberadaan RELA dapat meningkatkan persepsi positif masyarakat. Kesemua cadangan ini disasarkan kepada penduduk di sempadan. Adalah dicadangkan supaya PDRM menjadi agensi peneraju utama bagi kesemua cadangan ini dengan kerjasama JKDM dan RELA.

5.1.5 Pencerobohan di Perairan Malaysia (Bot Nelayan Asing, PATI)

Pencegahan dan Pemantauan. Terdapat sembilan cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu pencerobohan yang melibatkan bot nelayan asing dan PATI di perairan Malaysia. Pertama, memperbanyakkan dan meneruskan operasi bagi mengekang pencerobohan di perairan Malaysia. Kedua, segera memperketat kawalan sempadan perairan apabila sahaja wujud konflik di negara jiran. Ketiga, bekerjasama dengan pihak berkuasa sempadan negara jiran meningkatkan pemantauan kemasukan (PATI) dari pintu keluar Tanjung Balai, Medan dan Dumai ke titik-titik pendaratan haram di Malaysia. Keempat, menggiatkan tindakan mengusir bot-bot nelayan dan PATI yang cuba membolosi kawasan sempadan perairan negara. Kelima, menempatkan sistem amaran awal dan pantas di pulau-pulau dan kampung-kampung di sepanjang perairan negara.

Keenam, mempertingkatkan kecekapan sistem radar dan sistem satelit yang diguna pakai oleh agensi penguat kuasa. Ketujuh, meluaskan penggunaan Sistem Pengawasan Laut (SWASLA) bagi meliputi Sarawak dan pantai timur Semenanjung Malaysia. Kelapan, menggiatkan pemantauan melalui dron dan pesawat ringan di kawasan perairan pada ketinggian aras rendah. Kesembilan, meminta kerjasama negara jiran untuk menggalakkan nelayan memasang Sistem Pengesanan Automatik (AIS) bagi mengelakkan pencerobohan secara tidak sengaja. Kesemua cadangan ini disasarkan kepada penduduk di kawasan panas. Adalah dicadangkan supaya APMM menjadi agensi peneraju kesemua cadangan ini dengan dibantu oleh Bahagian K, Bahagian Perancangan Strategik dan Unit Antarabangsa, KDN.

Penguatkuasaan Undang-Undang. Terdapat tiga cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu pencerobohan di perairan Malaysia. Pertama, memastikan lebih banyak tekong laut didakwa dan dihukum di Mahkamah. Kedua, meningkatkan pendakwaan dan sabitan kes-kes pencerobohan nelayan asing. Ketiga, mengenakan hukuman yang berat seperti hukuman sebatan ke atas penceroboh perairan negara sebelum menghantar mereka pulang ke negara masing-masing. Kesemua cadangan ini disasarkan kepada masyarakat umum. Adalah dicadangkan supaya KDN menjadi peneraju kesemua cadangan ini dengan sokongan Yang Berhormat Menteri.

Libat Urus Masyarakat. Terdapat dua cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu pencerobohan di perairan Malaysia. Pertama, menambah kekerapan ziarah kawasan penempatan pinggir pantai dan komuniti Bajau Laut untuk mendapat maklumat berkaitan pencerobohan perairan negara. Kedua, mengadakan lebih banyak program komuniti (contoh Program Jiwa Murni) dengan nelayan-nelayan tempatan bagi mengenal pasti dan mendapatkan maklumat kawasan panas, pencerobohan serta aktiviti jenayah. Kesemua cadangan ini disasarkan kepada penduduk di sempadan. Adalah dicadangkan supaya PDRM menjadi agensi peneraju kesemua cadangan ini dengan bantuan PGA.

5.2 Cadangan Meningkatkan Persepsi Keselamatan Bagi Teras 4: Menjamin Keselamatan Ketenteraman Awam (Jenayah Indeks: Rompakan, Rogol, Curi dan Jenayah Harta Benda)

Pencegahan dan Pemantauan. Terdapat lima cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat melibatkan keempat-empat jenayah indeks ini. Pertama, mengkaji kadar keberkesanan program pencegahan dan pemantauan yang dilakukan secara usaha sama bersama pihak berkuasa dan masyarakat yang telah dikenal pasti sebagai berjaya sebelum ini dan memperluas program-program tersebut ke skala nasional. Pelbagai cadangan dan langkah pencegahan dan pemantauan telah pun diambil secara usaha sama bersama pihak berkuasa dan masyarakat sebelum ini melalui program seperti ‘*Unity Alarm*’, penggunaan CCTV dan lampu jalan LED berkuasa solar. Malah sebahagian besar inovasi program ini dilaporkan berjaya menurunkan kadar jenayah dan meningkatkan rasa selamat di kalangan penduduk setempat.

Namun, skala program mungkin agak bersasar dan tiada pelaporan keberkesanan secara berkala yang pernah dilakukan untuk kesemua program ini bagi rujukan orang awam. Oleh itu, sejauh mana keberkesanannya dalam mengurangkan kadar jenayah indeks ini tidak dapat dipastikan kerana pelaksanaan program-program pencegahan ini tidak disusuli dengan kajian keberkesanan. Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk menjalankan kajian sejauh mana program-program yang dijalankan ini mencapai objektifnya, khususnya untuk meningkatkan persepsi masyarakat. Sehingga September 2021, terdapat cadangan untuk mengkaji keberkesanan rondaan Unit Kereta Peronda (MPV) dan Unit Rondaan Bermotosikal (URB) dengan bajet yang terhad.

Kedua, menaik taraf dan memperluas fungsi Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS) dan Pencegahan Jenayah sedia ada menerusi pembangunan aplikasi telefon pintar seperti MySejahtera. Aplikasi MySejahtera berasal dari aplikasi Gerak Malaysia yang dibangunkan oleh pihak PDRM bagi memantau kejadian jenayah. Namun, aplikasi ini kemudiannya diserahkan kepada Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM), sebelum dikenali sebagai aplikasi MySejahtera yang digunakan untuk tujuan pemantauan pandemik COVID-19. Malah, pada ketika ini pihak PDRM sudah

pun mempunyai beberapa sistem bagi membantu pemantauan kejadian jenayah contohnya melalui *Volunteer Smartphone Patrol* (VSP) dan Sistem Pemantauan Bandar Selamat (SPBS). Namun capaian pemakluman sistem atau aplikasi ini kepada orang awam perlu dipertingkatkan. VSP yang berada di bawah pengurusan Jabatan Pencegahan Jenayah dan Keselamatan Komuniti (JPJKK) ini contohnya setakat tahun 2021 hanya mencapai muat turun sekitar 1.2 juta pengguna. Lebih banyak cara perlu dilakukan bagi meningkatkan pemakluman dan penggunaan aplikasi tersebut oleh orang awam kerana VSP adalah inisiatif PDRM yang sangat baik dalam mewujudkan kerjasama strategik mencegah jenayah bersama masyarakat tempatan sebagai mata dan telinga pihak polis. Malah melalui VSP, masyarakat boleh menyalurkan aduan atau maklumat merangkumi pelbagai aspek jenayah yang dilengkapi dengan elemen multimedia seperti gambar, video dan koordinat *Global Positioning System* (GPS) lokasi kejadian secara terus dan masa sebenar kepada pihak PDRM. Semua laporan melalui VSP akan diambil tindakan oleh pihak PDRM.

Melalui sistem SPBS pula PDRM boleh membuat plot kawasan kejadian jenayah dalam Google Map. PDRM dapat mengenal pasti kawasan dengan kekerapan jenayah, masa, tarikh, lokasi dan sebagainya. Maklumat ini digunakan bagi menggerakkan MPV atau URB untuk tujuan pencegahan jenayah. Namun, data ini tidak boleh dicapai oleh orang awam dan hanya terhad untuk rujukan pihak PDRM. Walau bagaimanapun, PDRM mempunyai Perjanjian Persefahaman (MOU) bersama PBT untuk bekerjasama dalam penyaluran maklumat penting bagi tujuan aspek pencegahan jenayah, contohnya mencadangkan penyediaan palang pengadang jalan bagi mencegah kejadian ragut yang banyak dilaporkan di kawasan-kawasan tertentu. Integrasi di antara kedua aplikasi dan sistem ini sewajarnya dipertimbangkan bagi memberi sedikit gambaran akan aktiviti pencegahan dan pemantauan jenayah yang sedang berjalan kepada orang awam.

Cadangan untuk memperluas fungsi MySejahtera itu sendiri menjadi satu 'Sistem Negara Sejahtera' yang meliputi bukan sahaja isu kesihatan seperti pemantauan pandemik COVID-19, malah merangkumi isu keselamatan dan ketenteraman awam yang lebih menyeluruh juga perlu dipertimbangkan dengan sewajarnya. Isu penting yang sering dibangkitkan berkenaan kerahsiaan data peribadi atau privasi penggunaan aplikasi tersebut

bagi tujuan pencegahan dan pemantauan keselamatan dan ketenteraman awam perlu diteliti dan diputuskan secara rasmi oleh pihak MKN. MKN seharusnya melakukan satu kajian tinjauan dan rintis bagi mengkaji kesesuaian cadangan dan mendapatkan input dari aspek perundangan dan juga pandangan daripada masyarakat juga. Hasil dapatan kajian akan menjadi input dan panduan kepada pihak MKN dan kerajaan amnya sama ada untuk meneruskan cadangan ini dan persediaan untuk menggubal undang-undang yang berkenaan dengan penggunaannya.

Ketiga, melakukan penjenamaan semula konsep seumpama Pondok Polis, Rukun Tetangga dan Sistem Bit Polis dan Patrol Pasukan PDRM melalui kerjasama pemaju kawasan perumahan baru dengan objektif utama mendekati masyarakat dan meningkatkan kerjasama pihak polis dan komuniti dalam aktiviti pencegahan dan pemantauan jenayah secara bersasar.

Keempat, menggubal undang-undang bagi mewajibkan penggunaan CCTV berkualiti tinggi bagi premis perniagaan dan kawasan awam perumahan yang berkepadatan tinggi seperti pangsapuri, kondominium di bawah pengurusan premis masing-masing atau teknologi pengawasan lain seperti 'dashcam' bagi kereta peronda, Grab, teksi dan orang awam seumpama beberapa negara jiran.

Kelima, menggalakkan dan mengiktiraf pembinaan kawasan perumahan dan kemudahan awam yang menerapkan reka bentuk bandar selamat (*Crime Prevention Through Environmental Design - CPTED*) yang mengurangkan jenayah dan vandalisme dengan memberi penekanan kepada beberapa prinsip termasuk, penentuan laluan masuk dan keluar yang selamat, pencahayaan, ruang landskap yang bersifat sebagai pelindung atau pagar semula jadi dan sempadan pemilikan, reka bentuk bangunan yang mengutamakan pengawasan semula jadi yang meningkatkan tahap pengawasan orang awam melalui pendekatan 'eyes on the street' terhadap penjenayah dan seterusnya dapat menimbulkan rasa tidak yakin penceroboh untuk melakukan jenayah, penekanan kepada pengawalan akses semula jadi yang menghalang seseorang dari memasuki kawasan / premis yang tidak sepatutnya ia berada melalui penggunaan pintu dengan kad keselamatan, pagar, landskap dan elemen fizikal lain. Kawasan kediaman, perniagaan,

perindustrian, infrastruktur dan utiliti serta kawasan tumpuan awam, persendirian dan swasta ini juga hendaklah di selenggara secara kerap dan berkala untuk meningkatkan tahap keselamatan, contohnya mencantas pokok yang rimbun, membersihkan semak samun yang melindungi pencahayaan, CCTV dan menghalang pandangan awam serta membaik pulih kawasan / bangunan terbiar dan terbengkalai tanpa perlu menanti aduan daripada orang awam. Peruntukan undang-undang wajar dipertimbangkan bagi mewajibkan pemakaian CPTED ini.

Penguatkuasaan Undang-Undang. Terdapat dua cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat melibatkan keempat-empat jenayah indeks ini. Pertama, meningkatkan akses orang awam dalam setiap tahap penguatkuasaan undang-undang melalui satu sistem pelaporan berpusat yang lebih telus. Pada ketika ini, pihak PDRM telah pun mempunyai satu sistem semakan pengaduan orang awam di laman sesawangnya iaitu, Sistem Semakan Atas Talian (SSO). Pengadu sebenarnya boleh melihat SSO untuk melihat status pengaduan secara atas talian, e-mel atau melalui panggilan telefon oleh pegawai penyiasat. Malah pihak PDRM dalam norma kebiasaan pun, akan memberi maklum balas kepada pengadu-pengadu dalam empat peringkat pemberitahuan iaitu pertama, ketika membuka kertas siasatan dan memaklumkan pengaduan kes disiasat (PEM 1) kepada pengadu. Kedua, pemakluman kepada pengadu berkenaan perkembangan siasatan (PEM 2), ketiga, pemakluman keputusan penyiasatan kes (PEM 3) kepada pengadu dan akhir sekali, pemakluman keputusan perbicaraan (PEM 4). Mana-mana pegawai yang tidak mengambil tindakan ke atas sebarang aduan orang awam akan dikenakan tindakan tatatertib. Namun, masih ramai orang awam yang tidak maklum akan gerak kerja ini dan tidak dimaklumkan berkenaan SSO itu sendiri sedangkan sistem semakan ini sudah pun sedia digunakan. Sudah tiba masanya, suatu tindakan khusus dilakukan bagi meningkatkan pemakluman dan penggunaan orang awam secara besar-besaran terhadap sistem atau aplikasi PDRM ini.

Kedua, meneliti semula kaedah penyampaian perkhidmatan pegawai penguat kuasa dan pelaporannya kepada pihak media bagi menangkis persepsi negatif masyarakat terhadap agensi keselamatan sekali gus memberi kefahaman akan tahap keterlibatan agensi dalam pengurusan kes dan

memperbaiki imej agensi yang sering dihimpit dengan pelbagai isu-isu negatif. Sudah tiba masanya bagi pihak PDRM dan Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) bekerjasama secara khususnya bagi membantu untuk penyebaran maklumat sebegini. Ini kerana buat masa ini segala program pencegahan telah dibuat dan dihebahkan di media sosial, namun kaedah penyampaian tersebut didapati kurang berkesan dalam merubah persepsi negatif orang awam, malah kadar penyampaian maklumat tersebut masih rendah di kalangan sebahagian besar masyarakat. Penyebaran meluas berkenaan usaha-usaha yang dilakukan oleh agensi penguatkuasaan perlu dilakukan secara kerap dan berkala. Di zaman semua maklumat di hujung jari ini, kurangnya penyebaran (*share*) maklumat penyampaian perkhidmatan pegawai penguat kuasa dan pelaporannya bererti kurangnya pengikut (*follower*) untuk meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat.

Libat Urus Masyarakat. Terdapat tiga cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat melibatkan keempat-empat jenayah indeks ini. Pertama, meningkatkan keterlibatan masyarakat dalam program pencegahan dan pemantauan jenayah dengan memberi insentif kepada orang awam bagi sebarang inovasi program yang dilakukan oleh mereka di kawasan kediaman masing-masing dalam menjalankan program pencegahan dan pemantauan jenayah. Masyarakat setempat juga harus digalakkan terlibat dalam proses mereka bentuk, susun atur, penanaman, pengurusan dan penyelenggaraan kawasan ruang hijau atau awam dan boleh mencipta reka bentuk pilihan mereka bagi pembangunan kawasan-kawasan tersebut yang boleh mereka banggakan. Pengiktirafan wajar diberikan kepada semua reka bentuk ini contohnya melalui skim anugerah daripada pihak polis dan pihak berkuasa tempatan seperti '*secured by design*' atau '*secure car parks*'. Penghargaan secara nasional juga harus dipertimbangkan bagi kawasan rukun tetangga yang aktif dalam melaporkan sebarang salah laku atau vandalisme melibatkan harta benda awam di kawasan kediaman mereka. Di samping itu, sistem mata ganjaran boleh diperkenalkan kepada masyarakat yang terlibat dalam inisiatif program yang berinovasi bagi pencegahan dan pemantauan jenayah. Masyarakat boleh menikmati penebusan mata ganjaran melalui perkhidmatan yang disediakan oleh KDN seperti pembayaran saman trafik. Dalam hal ini juga, peranan Jawatankuasa Pembangunan dan Keselamatan Kampung (JPKK) yang telah dilantik dapat dimanfaatkan untuk menggalakkan

penglibatan yang menyeluruh daripada masyarakat setempat sebagai tenaga penggerak bagi meningkatkan tahap keselamatan masyarakat di luar bandar.

Kedua, pelaporan lengkap secara berkala berkenaan program yang dijalankan dan satu kajian impak nasional dijalankan perlu diadakan segera. Ketiga, sebarang inovasi program yang telah dijalankan dengan jayanya wajar diperluaskan pelaksanaannya dan satu kajian impak nasional dijalankan bagi meneliti asas-asas kejayaan program-program tersebut bagi tujuan meluaskan pelaksanaannya dan pelaporannya diuar-uarkan kepada semua. Pelaporan lengkap secara berkala tetap ini dapat memberi maklumat jelas penurunan indeks jenayah keseluruhan yang dilaporkan, menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap keselamatan dan kesejahteraan rakyat melalui program-program ini, meningkatkan keyakinan pelabur dan pelancong asing dan meningkatkan pengurusan dan penyelenggaraan kawasan yang sering dan berpotensi berlaku jenayah dengan lebih berkesan. Ketiga, bagi meneruskan kesinambungan inovasi program sedia ada perlunya geran bersama diluluskan di antara agensi keselamatan dan para penyelidik tempatan bagi melakukan penyelidikan melibatkan cadangan inovasi program yang dapat meningkatkan persepsi rasa selamat masyarakat secara berkala dan berterusan.

5.3 Cadangan Meningkatkan Persepsi Keselamatan Bagi Teras 4: Menjamin Keselamatan dan Ketenteraman Awam (Jenayah Komersil dan Siber)

5.3.1 Persepsi Negatif Tahap Jenayah Penipuan Kad Kredit, Peraduan SMS, Pelaburan, E-mel, Bomoh, Nombor Ramalan, *Macau Scam*, *African Scam*, Pembelian Atas Talian, Cabutan Bertuah, Pinjaman Tidak Wujud dan Penipuan Penyamaran

Pencegahan dan Pemantauan. Terdapat empat cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu jenayah penipuan kad kredit, peraduan SMS, pelaburan, e-mel, bomoh, nombor ramalan, *Macau scam*, *African scam*, pembelian atas talian, cabutan bertuah, pinjaman tidak wujud dan penipuan penyamaran. Pertama, menggalakkan penggunaan teknologi blok rantai (*blockchain*) untuk melindungi akses terhadap pergerakan data (strategi mitigasi paling berkesan untuk ancaman siber).

Secara asasnya, buat masa sekarang Bank Negara Malaysia (BNM) mengadakan kempen kesedaran masyarakat dan mengemas kini laman sesawang ‘Amaran Penipuan Kewangan’ dan ‘Amaran Pengguna Kewangan’ sebagai platform untuk meningkatkan kesedaran orang awam terhadap penipuan di atas. Namun, tiada maklum balas atau kajian keberkesanan yang dilakukan untuk menilai sama ada kempen-kempen ini berjaya menambah baik persepsi keselamatan. Di samping itu, tiada penggunaan blok rantai sama ada oleh BNM atau Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) pada masa sekarang sebagai salah satu langkah mitigasi. Blok rantai adalah dikawal dan dipantau oleh SC dan CyberSecurity Malaysia. Buat masa ini PDRM Bersama-sama SC dan BNM baru sahaja memulakan perbincangan berkaitan blok rantai. Kedua, mewujudkan unit khas sebagai pusat untuk siasatan terhadap jenayah yang berkaitan dengan penipuan.

Ketiga, meningkatkan kerjasama dengan agensi penguatkuasaan undang-undang asing. BNM, PDRM dan Kementerian Luar perlu mewujudkan kolaborasi dengan pihak berkuasa antarabangsa bagi mencegah jenayah kripto di peringkat antarabangsa dan jenayah penipuan laman sesawang (*internet scam*) yang semakin berleluasa sekarang. Usaha ini adalah penting bagi menyekat jenayah trans-sempadan yang melibatkan pelbagai negara. Keempat, memperkasakan kemahiran dan kompetensi pegawai sedia ada melalui kursus dan Latihan jangka pendek dan jangka panjang meliputi *Certified Fraud Examiners*, *Certified Financial Analysts*, *Big Data*, *Blockchain*, *Internet of Things*. BNM telah menganjurkan program pensijilan penyiasat kewangan ‘*Certified Financial Investigator Programme*’ (CFIP), di mana setakat ini seramai 500 peserta telah menyertai program ini. Namun, tidak dapat dipastikan sejauh mana keberkesanan CFIP dalam meningkatkan kemahiran pegawai penguat kuasa untuk meningkatkan kemahiran dan pengetahuan penyiasatan kewangan. Adalah dicadangkan program ini diperkukuhkan secara bersasar kepada pegawai penguat kuasa yang juga memfokuskan kepada penggunaan blok rantai dan data raya.

Penguatkuasaan Undang-Undang. Terdapat dua cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu penipuan kad kredit, peraduan SMS, pelaburan, e-mel, bomoh, nombor ramalan, Macau scam, African scam, pembelian atas talian, cabutan bertuah, pinjaman tidak wujud

dan penipuan penyamaran. Pertama, menjatuhkan hukuman berat terhadap pesalah, kedua, memastikan pegawai yang menyeleweng dikenakan tindakan di mahkamah. Kesemua cadangan ini disasarkan kepada masyarakat secara umum. Adalah dicadangkan supaya PDRM menjadi agensi peneraju kesemua cadangan ini dengan dibantu oleh Unit Undang-Undang, KDN.

Libat Urus Masyarakat. Terdapat tiga cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu penipuan kad kredit, peraduan SMS, pelaburan, e-mel, bomoh, nombor ramalan, Macau scam, African scam, pembelian atas talian, cabutan bertuah, pinjaman tidak wujud dan penipuan penyamaran. Pertama, memperhebatkan pendidikan kepada para pelabur mengenai cara mengenal pasti dan mengelakkan penipuan. BNM telah melaksanakan pelbagai inisiatif pendidikan melalui *Financial Education Network* kepada pengguna terhadap penipuan kewangan, contohnya program Bulan Literasi Kewangan 2021. Kedua, memberi pendedahan peringkat awal di sekolah. BNM menjalin kerjasama dengan Kementerian Pendidikan memfokuskan kepada penerapan kepentingan pengurusan kewangan di sekolah.

Ketiga, bekerjasama dengan selebriti/pempengaruh/pensohor dengan menggunakan pengaruh mereka untuk memberi pendedahan kepada masyarakat berkaitan isu penipuan ini. Walaupun PDRM mempunyai pusat respons (*response center*) dalam menyampaikan maklumat melalui platform media sosial, tahap capaian penyampaian maklumat adalah lebih tinggi jika bekerjasama dengan selebriti/pempengaruh/pensohor. Di samping itu, PDRM melaporkan bahawa telah banyak program dijalankan untuk meningkatkan kesedaran orang ramai, tetapi persoalannya masih ramai yang menjadi mangsa. Maka dicadangkan agar pihak PDRM atau agensi berkaitan untuk menjalankan kajian keberkesanan program-program ini. Adalah dicadangkan supaya PDRM menjadi agensi peneraju kesemua cadangan ini dengan dibantu oleh SC, BNM dan SKMM.

5.3.2 Jenayah Pinjaman Ah Long

Jenayah pinjaman Ah Long membawa kemudaran kerana mereka berkait rapat dengan organisasi jenayah terancang dan terlibat dalam pelbagai jenayah

kekerasan termasuk pembunuhan dan serangan serta rompakan, penculikan dan penahanan yang menyalahi undang-undang.

Pencegahan dan Pemantauan. Terdapat empat cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap jenayah pinjaman Ah Long. Pertama, memudahkan proses pinjaman bagi golongan yang memerlukan terutamanya peniaga-peniaga kecil yang sering kali menjadi mangsa kepada jenayah akibat daripada pinjaman Ah Long. Pada waktu ini, BNM menyediakan pelbagai kemudahan pembiayaan Dana BNM untuk PKS yang mana selaras dengan Bajet 2022, dana ini telah ditambah sebanyak RM4.5 bilion. Persoalan yang timbul adalah kenapa masih ramai PKS yang terlibat dengan pinjaman Ah Long walaupun banyak dana-dana telah tersedia. BNM atau agensi berkaitan perlu melakukan satu kajian tinjauan atau kajian rintis bagi mengkaji permasalahan dan mendapatkan input dari PKS akan masalah/isu dan alasan kenapa mereka meminjam dari Ah Long. Hasil dapatan kajian boleh dijadikan panduan dan tatacara dalam memudahkan proses peminjaman.

Kedua, Pihak Berkuasa Tempatan harus menggiatkan operasi menurunkan iklan/menutup laman Ah Long melalui '*street survey*' dengan menemuramah secara santai peniaga-peniaga mikro dan kecil. Di samping itu, PBT harus memainkan peranan dengan mengawal pengeluaran lesen kepada perniagaan pemberi pinjaman Ah Long. Ketiga, meningkatkan kerjasama pintar (*smart partnership*) antara agensi dan NGO (contoh PPIM) dalam mengenal pasti kawasan-kawasan panas yang terdedah kepada aktiviti pinjaman Ah Long. Keempat, disebabkan Ah Long juga menggunakan teknologi dalam mengiklankan dan mencari peminjam, adalah dicadangkan pemantauan menggunakan teknologi juga perlu dipergiatkan. Kesemua cadangan ini disasarkan secara umum. Adalah dicadangkan supaya KDN dan juga KKMM menjadi peneraju kesemua cadangan ini.

Penguatkuasaan Undang-Undang. Terdapat tiga cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu jenayah pinjaman Ah Long. Pertama, memastikan lebih banyak penjenayah Ah Long termasuklah pekerja-pekerja dan ejen yang tidak berlesen ditangkap, didakwa dan dihukum di Mahkamah dengan hukuman yang berat. Pada masa ini, Perintah Tahanan

Akta Pencegahan Jenayah (POCA) 1959 dijalankan di seluruh negara oleh PDRM bagi kesalahan yang dilakukan oleh Ah Long yang berdaftar. Kedua, meningkatkan pendakwaan dan sabitan kes-kes jenayah Ah Long. Ketiga, mewujudkan agensi khas yang menyiasat dan mendakwa pemberi pinjaman Ah Long seperti yang telah dilakukan oleh ‘*Stop Loan Sharks*’ di United Kingdom. Meningkatkan tangkapan kepada mereka yang terlibat termasuk ejen, pemilik perniagaan dan pegawai dan memastikan setiap laporan berkenaan jenayah Ah Long berakhir dengan tangkapan, dakwaan dan hukuman yang berat.

Libat Urus Masyarakat. Terdapat empat cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu jenayah Ah Long. Pertama, meningkatkan kesedaran melalui program-program masyarakat untuk mendidik orang ramai terutamanya golongan sasaran (peniaga-peniaga kecil) tentang bahaya meminjam daripada Ah Long. Kedua, meningkatkan kesedaran dan pengetahuan berkaitan kewangan personal. Ketiga, menghapuskan perjudian kerana terdapat peminjam Ah Long terdiri dari pemain judi. Keempat, memudahkan proses pinjaman dari pembiaya mikro kredit terutamanya kepada peniaga-peniaga kecil yang sering kali terlibat dengan jenayah pinjaman Ah Long. Kesemua cadangan ini disasarkan kepada masyarakat umum. Adalah dicadangkan supaya KKMM berserta Kementerian Kewangan (KK) menjadi peneraju kesemua cadangan ini dengan sokongan Yang Berhormat Menteri.

5.3.3 Jenayah Penipuan Internet

Pencegahan dan Pemantauan. Terdapat satu cadangan khusus bagi meningkat persepsi positif masyarakat terhadap kes jenayah penipuan internet. Dalam persekitaran berteknologi maju hari ini, penjenayah semakin bijak dan ini menjadikan lebih sukar untuk mengesan jenayah mereka dan seterusnya membuat tangkapan. Selain dari kaedah tradisional seperti intipan adalah dicadangkan penggunaan teknologi blok rantai. Kaedah penggunaan blok rantai telah diguna pakai oleh negara maju dan jenayah kewangan/perdagangan diramalkan akan berkurangan dengan ketara hasil daripada usaha memerangi aktiviti wang haram yang difasilitasi oleh penggunaan teknologi blok rantai. Teknologi blok rantai merealisasikan

aplikasi yang lebih luas melalui membenarkan pelaksanaan obligasi secara automatik, pengurangan kos, peningkatan keselamatan siber dan penggunaan data analitik melalui penggunaan rangkaian blok rantai boleh digunakan untuk menyimpan semua maklumat peribadi dan pengenalan diri pengguna. Sehubungan itu, adalah dicadangkan pihak berkuasa untuk menggunakan teknologi blok rantai secara meluas bagi mengekang dan mencegah jenayah.

Penguatkuasaan Undang-Undang. Terdapat dua cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap kes jenayah penipuan internet. Pertama, menjatuhkan hukuman berat terhadap pesalah dan penjenayah. Kedua, memastikan pegawai yang menyeleweng dikenakan tindakan di mahkamah. Kesemua cadangan ini disasarkan kepada masyarakat secara umum. Adalah dicadangkan supaya PDRM menjadi agensi peneraju kesemua cadangan ini dengan dibantu oleh Unit Undang-Undang, KDN.

Libat Urus Masyarakat. Terdapat dua cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap terhadap kes jenayah penipuan internet. Pertama, kementerian pendidikan awam berkaitan anti-penipuan contohnya melancarkan '*Spot the Signs*' yang memfokuskan kepada contoh penipuan untuk mendidik dan memberi maklumat kepada orang ramai mengenai cara melihat tanda-tanda pelbagai penipuan. Kedua, memperkasakan orang awam dengan sentiasa mengingatkan mereka untuk terus waspada dan segera melaporkan kemungkinan penipuan kepada PDRM. Walaupun, BNM mengadakan kerjasama strategik dengan pelbagai agensi, persatuan pengguna, badan bukan kerajaan dalam menyampaikan maklumat secara terus kepada orang ramai agar lebih berwaspada dengan sindiket penipuan kewangan melalui pelbagai saluran media. Namun, jenayah penipuan internet tetap berlaku yang mana telah melibatkan persepsi negatif masyarakat. Adalah dicadangkan pihak BNM untuk menjalankan kajian rintis keberkesanan program kesedaran yang telah dilakukan.

5.4 Cadangan Meningkatkan Persepsi Keselamatan Bagi Teras 4: Menjamin Keselamatan dan Ketenteraman Awam (Ideologi Ekstremisme)

5.4.1 Liberalisme

Pencegahan dan Pemantauan. Terdapat satu cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu liberalisme iaitu memperbanyakkan proses dialog di antara kumpulan liberalisme. Proses dialog ini boleh melibatkan Kementerian dan agensi di dalam KDN, PDRM dan juga pihak berkuasa agama Islam sama ada di peringkat Persekutuan terutamanya Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAIWP) dan Pihak Berkuasa Agama Negeri (Majlis Agama/Jabatan Agama). Sebagai contoh, dialog dengan kumpulan berasaskan ideologi liberalisme seperti *Sisters in Islam (SIS)*, *Islamic Renaissance Front (IRF)* adalah antara yang boleh dilaksanakan secara tertutup bagi memahami setiap langkah dan tindakan mereka yang boleh menggugat keharmonian masyarakat. Sementara itu, pihak JAKIM juga telah mengadakan dialog tertutup dengan kumpulan-kumpulan liberal berkaitan hukum khitan wanita. Isu-isu khilaf dalam agama juga boleh ditangani dengan lebih berkesan sekiranya kumpulan ini dilibatkan dalam proses dialog dan perbincangan supaya memahami konteks masyarakat berbilang kaum dan agama yang mempunyai pemahaman agama masing-masing yang bersifat peribadi.

Penguatkuasaan Undang-Undang. Terdapat dua cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu liberalisme. Pertama ialah menguatkuasakan undang-undang berkaitan media seperti Akta Mesin Cetak dan Penerbitan 1984, Akta Hasutan 1948, Akta Rahsia Rasmi 1972 dan Kanun Keseksaan. Menerusi penggunaan Akta ini kawalan terhadap penerbitan bersifat liberalisme yang boleh menggugat keharmonian masyarakat dapat dilaksanakan. Kedua, mengharmonikan undang-undang syariah di antara pihak kerajaan Persekutuan dan kerajaan Negeri. Konflik perundangan di antara negeri dan Persekutuan juga menjadikan kesalahan berkaitan ideologi ini sukar untuk ditangani terutamanya yang membabitkan kumpulan liberal dan ajaran sesat.

Di samping itu, sesetengah negeri mempunyai senarai kumpulan ajaran sesat dan liberalisme yang berbeza dari negeri-negeri lain dan pihak Persekutuan. Sebagai contoh kumpulan *Sisters in Islam (SIS)* telah difatwakan sebagai kumpulan ajaran sesat di negeri Selangor dan kes ini sedang dibicarakan di mahkamah. Selain itu, peranan pihak berkuasa agama

Persekutuan dan Negeri dalam menguatkuasakan undang-undang berkaitan jenayah syariah dan undang-undang berkaitan kawalan pengembangan agama seperti Enakmen Kawalan Penyebaran Agama boleh dilaksanakan. Perkara 11(4) Perlembagaan Persekutuan menyatakan bahawa negeri boleh membuat undang-undang untuk mengawal penyebaran agama bukan Islam kepada orang Islam. Setakat hari ini, hanya negeri Pulau Pinang, Melaka, Sabah dan Sarawak yang tidak mempunyai enakmen khusus dalam mengawal pengembangan agama bukan Islam kepada orang Islam. Maka, sudah tiba masanya negeri-negeri ini mempunyai undang-undang berkaitan kawalan tersebut bagi mengekang penularan ancaman liberalisme terutamanya yang membabitkan agama Islam.

Libat Urus Masyarakat. Terdapat tiga cadangan khusus yang dikemukakan bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu liberalisme. Pertama ialah memperbanyakkan program bersifat keagamaan dan jati diri negara. Menerusi program ini, pemahaman masyarakat terhadap isu-isu berkaitan agama, bangsa dan negara dapat dipertingkatkan lagi menerusi penganjuran program berkenaan. Selain itu, cadangan khusus kedua ialah menganjurkan banyak wacana awam berkaitan isu-isu semasa agar rakyat mendapat maklumat dan informasi tepat berkaitan situasi yang berlaku dalam negara. Cadangan ketiga ialah memperkenalkan pendekatan bersifat muhasabah diri dalam mengimbangi tanggungjawab kepada Tuhan, tuntutan hidup secara peribadi dan sumbangan kepada masyarakat. Pendekatan ini menekankan supaya masyarakat tidak terburu-buru, tidak terlalu mementingkan diri sendiri, tidak gopoh dalam membuat keputusan dan memikirkan dahulu implikasi terhadap sesuatu perbuatan kepada masyarakat umum.

5.4.2 LGBTQ (Lesbian, Gay, Bisexual, Transexual and Queer)

Pencegahan dan Pemantauan. Bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu LGBTQ, proses pematuhan dan perisikan dilakukan dengan lebih kerap sebagai langkah pertama. Pihak berkuasa seperti KDN, PDRM, JAKIM dan Pihak Berkuasa Agama Negeri hendaklah memantau tempat-tempat yang menjadi tumpuan dan akaun media sosial kumpulan-kumpulan LGBTQ ini. Tindakan seperti intipan maklumat, penyamaran dan

serbuan di tempat-tempat berkaitan boleh dilakukan bagi memastikan kumpulan ini tidak cuba untuk menyebarkan pengaruh mereka kepada masyarakat. Cadangan kedua pula ialah memastikan proses kaunseling dan rehabilitasi dilakukan dengan lebih kerap. Dengan ini, mereka dapat dipulihkan dengan sewajarnya dan kembali kepada masyarakat dengan lebih baik. Penerapan nilai-nilai Islam dan pemantapan aqidah perlu dijalankan dari masa ke semasa. Nilai budaya dan kekeluargaan masyarakat Melayu perlu diperkukuhkan bagi meneutralkan kecenderungan songsang ini. Di antara contoh terbaik ialah Program Mukhayyam yang dianjurkan oleh JAKIM yang memfokuskan kepada mengembalikan golongan LGBTQ kepada fitrah asal jantina mereka. Program ini dijalankan bagi membimbing mereka dari segi agama, perwatakan dan jati diri supaya mereka menjauhi golongan LGBTQ yang akan berusaha mempengaruhi kehidupan mereka jauh daripada realiti masyarakat umum.

Penguatkuasaan Undang-Undang. Dua cadangan khusus dikemukakan bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu LGBTQ. Peranan KDN, PDRM, Pihak Berkuasa Agama di peringkat Persekutuan dan Negeri perlu dipertingkatkan dan diperkukuhkan. Di antaranya ialah meningkatkan penguatkuasaan undang-undang menerusi pemerkasaan undang-undang Jenayah Syariah Negeri terutamanya kesalahan membabitkan lelaki berpakaian wanita atau menyerupai wanita. Di samping itu, Pihak Berkuasa Agama Negeri juga boleh mencadangkan kesalahan memakai pakaian lelaki oleh wanita juga dimasukkan bersama di dalam undang-undang jenayah syariah. Walau bagaimanapun, pembuktian elemen oleh pihak pendakwa syariah amat penting dalam memastikan kes-kes berkaitan boleh diadili dengan sewajarnya. Negeri-negeri juga boleh memainkan peranan penting dalam membentuk dan memperkasa jabatan pendakwaan syariah bagi memantapkan proses pendakwaan syariah.

Selain itu, di peringkat Kerajaan Persekutuan juga boleh menggubal undang-undang di Parlimen bagi mempromosikan nilai-nilai kekeluargaan (*family values*) dalam menangani isu-isu berkaitan LGBTQ. Sebagai contoh, Ghana telah mewujudkan undang-undang dikenali sebagai '*Ghana Promotion of Proper Human Sexual Rights and Ghanaian Family 2021*' sebagai salah

satu mekanisme bagi menangani isu-isu berkaitan LGBTQ yang menerapkan nilai-nilai murni berasaskan kekeluargaan.

Libat Urus Masyarakat. Seperti dinyatakan di atas, peranan pihak berwajib sangat diperlukan dalam menyemai nilai-nilai kekeluargaan serta keagamaan kepada masyarakat dalam menangani LGBTQ. Kempen-kempen kesedaran menerusi media massa dan media sosial juga boleh dicadangkan dengan memperkenalkan moto kerajaan sekarang iaitu ‘Keluarga Malaysia’ bagi memberi inspirasi kepada masyarakat akan bahaya ancaman LGBTQ kepada masyarakat umum sekiranya dibenarkan secara berleluasa.

5.4.3 Hasutan

Pencegahan dan Pemantauan. Di dalam menangani isu membabitkan kes-kes hasutan, di antara cadangan khusus berkaitan pencegahan dan pemantauan adalah dengan melakukan operasi pencegahan dan pemantauan dengan lebih kerap dan berkesan. Contohnya, pihak berkuasa, KDN, PDRM dan SKMM dapat bekerjasama dalam memantau aktiviti luaran dan aktiviti siber yang membabitkan elemen hasutan.

Penguatkuasaan Undang-Undang. Antara cadangan yang berkaitan isu hasutan ini adalah supaya Akta Hasutan 1948, Akta Komunikasi dan Multimedia 1998 dan Kanun Keseksaan terutamanya Seksyen 298A dapat dikuatkuasakan dengan lebih ketat lagi. Selain itu, kejayaan daripada hasil tangkapan dan pendakwaan di mahkamah sering dimaklumkan kepada media. Walau bagaimanapun, tidak semuanya membabitkan sabitan kesalahan kes. Pihak PDRM akan menjalankan siasatan dari segenap sudut termasuk kesalahan-kesalahan yang mengandungi elemen hasutan dan sekali gus mencadangkan pertuduhan untuk dibawa ke pihak AGC bagi proses pendakwaan. Oleh sebab itu, cadangan kedua ialah memastikan aspek pendakwaan juga berakhir dengan sabitan kes. Ini tertakluk kepada keputusan dan kuasa pendakwaan pihak Jabatan Peguam Negara di bawah Artikel 145 (3) Perlembagaan Persekutuan dan Seksyen 376 Kanun Prosedur Jenayah. Oleh sebab itu, kerjasama erat di antara pihak PDRM dan AGC adalah sangat penting dalam memastikan cadangan kedua ini dapat dilaksanakan dengan lebih baik dan berkesan.

Libat Urus Masyarakat. Setiap individu berperanan dalam melaporkan setiap kes-kes yang membabitkan hasutan kepada masyarakat. Ini termasuk mengenal pasti 'posting' di media sosial yang menjurus kepada elemen hasutan umpamanya menghina YDP Agong, kerajaan memerintah dan menimbulkan isu perkauman yang menjelikkan. Kes-kes membabitkan '3R' (*race, royal, religion*) yang mempunyai elemen-elemen hasutan akan dipantau oleh pihak berkuasa terutamanya PDRM dan SKMM. Kebanyakan kes-kes membabitkan individu ini terdiri daripada mereka yang menggunakan akaun palsu dan terlibat dalam masalah-masalah berkaitan kesihatan mental dan kemurungan melampau yang memerlukan bimbingan. Oleh sebab itu hubungan di antara pihak berkuasa dan masyarakat amat penting dalam memastikan kesalahan berkaitan hasutan dapat ditangani dengan lebih meluas.

5.5 Cadangan Meningkatkan Persepsi Keselamatan Bagi Teras 5: Memerangi Gejala Dadah (Pengedaran dan Penagihan)

5.5.1 Pengedaran Dadah

Pencegahan dan Pemantauan. Bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu pengedaran dadah, terdapat empat cadangan khusus yang boleh diambil. Pertama, pihak berkuasa perlu menjalankan pemantauan, risikan dan pencegahan untuk mengenal pasti taktik rantaian bekalan dadah yang baru. Oleh itu, metodologi baru untuk mengesan rantaian bekalan baru perlu digunakan. Sebagai contoh, melalui penggunaan teknologi terkini seperti penggunaan dan pengaplikasian kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence - AI*) dan dron. Kompetensi pegawai penguat kuasa perlu dipertingkatkan agar tangkap dapat dibuat dengan bukti yang kukuh. Bukti yang kukuh amat penting bagi mengelakkan penjenayah digugurkan kes kerana kekurangan bukti. Risikan melalui AI boleh dilaksanakan untuk mengesan aktiviti pengedaran dadah melalui kaedah atas talian (*dark web*).

Kedua, bagi memaksimumkan keberkesanan penggunaan teknologi-teknologi terkini seperti AI dan dron, agensi-agensi penguatkuasaan berkaitan perlu disediakan latihan yang intensif untuk memperkasakan pengetahuan mengenai cara-cara risikan dan pemantauan di atas talian (*dark web*). Ketiga, selain penggunaan teknologi, cara tradisional seperti rondaan oleh anggota-

anggota keselamatan dan penguatkuasaan juga perlu dipergiatkan serta harus lebih tampak (*visible*) sebagai langkah pencegahan terutamanya di kawasan panas (*hotspot*). Keempat, kerjasama antara agensi-agensi penguatkuasaan juga perlu lebih dipergiatkan dan diperkasakan. Cadangan ini disasarkan kepada kawasan *hotspot* dan kawasan tumpuan umum. Bagi memastikan kebolehlaksanaan dan memaksimumkan keberkesanan cadangan ini, JSJN perlu berperanan sebagai teraju utama dalam usaha membendung kes pengedaran dadah dengan dibantu oleh agensi-agensi penguatkuasaan berkaitan yang lain seperti AADK.

Penguatkuasaan Undang-Undang. Bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu pengedaran dadah pula, terdapat tiga cadangan khusus yang boleh diambil. Pertama, memantapkan tindakan penguatkuasaan undang-undang. Dari aspek ini, siasatan terhadap kes-kes pengedaran dadah perlu dijalankan dengan lebih terperinci bagi memastikan kartel-kartel dadah didakwa serta disabitkan. Juga perlu dipastikan kes-kes berprofil tinggi yang melibatkan rampasan dadah bernilai jutaan ringgit perlu di dakwa di mahkamah. Tidak dinafikan banyak kes rampasan bernilai jutaan ringgit dilaporkan di media massa. Akan tetapi, berita susulan mengenai pendakwaan serta sabitan untuk kes-kes sebegini jarang dipernampakkan kepada umum. Kedua, selain daripada menjatuhkan hukuman kepada keldai dadah serta pengedar-pengedar dadah yang kecil, tangkapan, sabitan serta hukuman juga perlu dipertingkatkan kepada kartel dadah. Ini adalah penting bagi mengekang kes-kes pengedaran dadah daripada akar umbi atau sumber utama. Ketiga, penggunaan Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) (*Whistleblower Protection Act 2010*) perlu diperluaskan untuk memastikan pemberi maklumat (informan) serta keluarga diberi perlindungan sewajarnya serta identiti baru. Penggunaan Akta Perlindungan Saksi 2009 (Akta 696) juga perlu diperkasakan dan diuar-uarkan. Adalah dicadangkan supaya PDRM menjadi agensi peneraju kesemua cadangan ini dengan dibantu oleh Unit Undang-Undang, KDN serta AGC.

Libat urus masyarakat. Bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu pengedaran dadah, terdapat lima cadangan khusus yang boleh diambil. Pertama, bagi meningkatkan keberkesanan operasi, buah fikiran daripada penduduk setempat berhubung cara-cara menangani kes pengedaran

dadah di kawasan mereka perlu diambil kira. Kedua, melibatkan penduduk setempat dalam mengenal pasti lorong tikus dan kawasan panas. Ketiga, taklimat serta perbincangan dengan penduduk setempat perlu diperbanyakkan dan dipergiatkan bagi meningkatkan kesedaran orang awam terhadap implikasi undang-undang berkaitan dadah yang ada. Keempat, agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan perlu mendekati golongan yang dikenal pasti berisiko (contoh: remaja, pelajar sekolah) menjadi mangsa sindiket untuk direkrut sebagai keldai dadah sebagai salah satu langkah pencegahan awal gejala dadah. Kelima, program kemasyarakatan dengan kerjasama pihak sekolah/masjid/tempat beribadat untuk mendekati golongan yang berisiko juga perlu diteruskan dan dipergiatkan. Cadangan ini disasarkan kepada kawasan *hot-spot* dan umum. Adalah dicadangkan supaya PDRM menjadi agensi peneraju kesemua cadangan ini dengan dibantu oleh RELA.

5.5.2 Penagihan Dadah

Pencegahan dan Pemantauan. Bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu pengedaran dadah, berikut merupakan tiga cadangan khusus yang boleh diambil. Pertama, agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan perlu memperbanyakkan kawalan serta rondaan di kawasan *hot-spot* yang dikenal pasti. Kedua, mempertingkatkan operasi risikan untuk mengenal pasti pihak yang membekalkan dadah kepada keldai-keldai dan pengedar-pengedar dadah yang kecil melalui taktik risikan dan pemantauan menggunakan teknologi dron. Ini adalah penting dalam usaha untuk memutuskan rantaian bekalan dadah dan dalam usaha untuk membendung gejala penagihan dadah. Ketiga, kerjasama antara agensi-agensi penguatkuasaan perlu dilakukan dengan lebih erat dan dipergiatkan. Keempat, memperbanyakkan kawasan ‘hijau’ di mana kawasan-kawasan ‘merah’ mengikut definisi AADK di ‘hijau’kan dengan penguatkuasaan, tangkapan, aktiviti pemulihan, aktiviti bersama-sama masyarakat di jalankan bagi mengurangkan kes-kes berkenaan dengan dadah. Cadangan ini disasarkan kepada kawasan *hotspot* dan umum. JSJN adalah teraju utama yang dicadangkan dalam usaha membendung kes pengedaran dadah ini melalui kerjasama dengan agensi-agensi penguatkuasaan berkaitan yang lain.

Penguatkuasaan Undang-Undang. Terdapat tiga cadangan khusus bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu penagihan dadah. Pertama, menambah baik undang-undang berkaitan yang sedia ada. Penggubalan undang-undang baru untuk memberi persepsi positif perlu diperkenalkan, di mana penagih dadah yang ditangkap perlu dianggap sebagai pesakit yang memerlukan rawatan dan bukannya penjenayah. Mereka perlu dianggap sebagai golongan yang perlu dirawat supaya pulih dan bebas daripada penyalahgunaan dadah. Satu polisi yang jelas perlu ada dan diterjemahkan dalam bentuk undang-undang, iaitu penekanan ke atas merawat dan bukannya menghukum perlu jelas dalam undang-undang. Walau bagaimanapun, penekanan perlu diberikan bagi membezakan individu penagih yang berpunca daripada sebab yang dibenarkan seperti kesihatan dengan individu penagih yang jelas menyalahgunakan dadah. Ini adalah penting bagi mengelakkan kelonggaran ini disalahgunakan oleh individu-individu yang ternyata bersalah menyalahgunakan dadah, dan mahu mengelak daripada dijatuhkan hukuman.

Dengan itu, undang-undang yang tidak menekan kepada polisi merawat ini perlu dipinda dengan segera. Ini bagi mengelakkan sebarang percanggahan antara undang-undang yang sedia ada dan yang bakal digubal. Pada ketika ini, pihak KDN serta AADK telah menyiapkan draf Akta Penyalahgunaan Dadah dan Substan (Pencegahan, Rawatan dan Pemulihan) bagi menggantikan Akta Penagih Dadah (Rawatan dan Pemulihan) 1983 (Akta 283). Penagih serta keluarga mereka juga perlu diberi perlindungan dan identiti baru di bawah Akta Perlindungan Pemberi Maklumat 2010 (Akta 711) (*Whistleblower Protection Act 2010*) untuk menggalakkan mereka memberi maklumat tentang identiti pembekal mereka. Cadangan ini disasarkan kepada penduduk kawasan *hot-spot* dan umum. Adalah dicadangkan supaya PDRM dan AADK perlu menjadi agensi peneraju kesemua cadangan ini dengan dibantu oleh Unit Undang-Undang, KDN serta AGC.

Libat Urus Masyarakat. Bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu penagihan dadah, terdapat tiga cadangan khusus yang boleh diguna pakai. Pertama, pusat komuniti yang membantu dalam hal-hal berkaitan dadah di kawasan komuniti terutama dari segi ekonomi perlu diperkasakan. Setiap lapisan masyarakat perlu menggembeng tenaga dan

bekerjasama bagi menghentikan aktiviti penyalahgunaan dadah, terutamanya yang berlaku di kawasan komuniti mereka. Kewujudan pusat komuniti seumpama ini perlu diuar-uarkan melalui media cetak, elektronik serta media sosial bagi memastikan orang awam sedar tentang kewujudan pusat komuniti dan bersama-sama menyumbang bagi meningkatkan keselamatan. Masyarakat secara umumnya perlu memainkan peranan mereka dalam melaporkan sebarang aktiviti penyalahgunaan dadah sebelum ianya menjadi lebih parah. Kedua, agensi-agensi penguatkuasaan bersama masyarakat setempat perlu mempergiatkan usaha untuk mendekati keluarga yang mempunyai penagih dalam kalangan mereka. Dalam hal ini, tugas memerangi dadah tidak seharusnya diletakkan di bawah tanggungjawab pihak AADK sahaja. Sebagai musuh terbesar negara, ianya memerlukan kerjasama berstrategi di antara semua pihak untuk memerangi penyalahgunaan dadah.

Di samping itu, pihak-pihak NGO dan masyarakat perlu memainkan peranan dengan menyingkirkan stigma terhadap bekas penagih dadah. Bekas penagih dadah ini memerlukan satu sistem sokongan yang kuat untuk kembali diterima di dalam masyarakat bagi mengelakkan mereka terjebak semula dengan aktiviti penyalahgunaan dadah. Usaha ini adalah perlu untuk memastikan mereka yang telah terjebak diberikan rawatan segera dan sokongan emosi yang perlu serta memastikan yang belum terjebak diberi bantuan pencegahan. Ketiga, agensi-agensi penguatkuasaan yang berkaitan juga perlu mempergiatkan aktiviti ziarah di sekolah dan memberi penerangan mengenai bahaya dadah serta implikasi termasuk dari segi undang-undang. Kesedaran terhadap bahaya dadah perlu dipupuk dari peringkat awal. Program-program dan aktiviti-aktiviti anjuran bersama perlu dipergiatkan contohnya di antara pihak AADK dan Kementerian Pendidikan bagi memberikan pendidikan awal tentang bahaya dadah dan seterusnya meningkatkan tahap kesedaran di kalangan generasi muda.

Selain daripada itu, strategi penganjuran ini harus dirangka dengan teliti bagi menjadikan program atau kaedah penyampaian maklumat yang dijalankan dapat menarik minat generasi muda. Selain pendedahan mengenai penyalahgunaan dadah, kesedaran juga perlu diberikan berkaitan aktiviti-aktiviti yang bersangkutan-paut dengan dadah seperti penghasilan/ pemprosesan dadah, pengedaran dadah, keldai dadah dan undang-undang serta hukuman

berkaitan dengan penyalahgunaan dadah. Cadangan ini disasarkan kepada penduduk di kawasan *hotspot* dan umum. Adalah dicadangkan supaya AADK berserta PDRM menjadi agensi peneraju bagi ke semua cadangan ini.

5.6 Cadangan Meningkatkan Persepsi Keselamatan Bagi Menangani Persepsi Negatif Masyarakat Melalui Perang Saraf Media

Media memainkan peranan yang penting bagi penyampaian segala bentuk maklumat yang diperlukan bagi meningkatkan persepsi rasa selamat di kalangan masyarakat. Kaedah perang saraf media yang boleh digunakan bagi meningkatkan persepsi keselamatan di kalangan masyarakat boleh dibahagikan kepada beberapa kaedah dengan menggunakan media konvensional ataupun media baharu. Kaedah yang boleh diguna pakai adalah seperti berikut:

i) Hebahan Media

Memberi liputan meluas tangkapan, pendakwaan dan hukuman ke atas pesalah jenayah. Bagi setiap kesalahan jenayah sama ada jenayah kekerasan, keselamatan dan ketenteraman awam, jenayah indeks atau jenayah komersial liputan media terhadap kes sebegini haruslah dipertingkatkan. Persepsi rasa selamat masyarakat akan meningkat apabila mereka melihat liputan meluas terhadap pendakwaan yang dilakukan terhadap penjenayah-penjenayah berkenaan. Ini adalah kerana mereka akan mula merasakan keyakinan yang tinggi terhadap penguatkuasaan dan pelaksanaan undang-undang di Malaysia. Hebahan mengenai tangkapan dan hukuman terhadap kegiatan-kegiatan jenayah ini dapat mewujudkan *feel good factor* di kalangan masyarakat.

Memaparkan lebih banyak maklumat dan visual pelaku jenayah. Hebahan dan paparan maklumat yang lebih banyak dan telus akan menimbulkan persepsi rasa selamat di kalangan masyarakat. Ini adalah kerana apabila maklumat penjenayah ini dilaporkan di media, masyarakat akan merasakan keselamatan mereka akan lebih terjamin kerana penjenayah telah berjaya ditahan atau ditangkap. Perkongsian maklumat mengenai penjenayah ini juga boleh mewujudkan perasaan *aware and alert* di kalangan masyarakat.

Melaporkan tindakan tatatertib ke atas pegawai penguat kuasa/kakitangan awam yang terlibat dengan salah laku termasuk kesalahan jenayah. Adanya laporan dan hebahan maklumat terhadap pegawai yang cuai, melakukan khianat dan sebagainya dilihat mampu membuatkan masyarakat berasa lebih selamat dan mengekang perbuatan ini daripada berleluasa. Ini termasuklah menggunakan kaedah '*name and shame*' dengan memaparkan nama dan pegawai penguat kuasa atau kakitangan awam yang didapati bersalah bersubahat dengan penjenayah atau mana-mana sindiket yang melakukan jenayah. Sebagai contoh terdapat agensi badan professional yang mewujudkan pangkalan data kakitangan yang dikenakan tindakan tatatertib.

Menguar-uarkan kejayaan setiap agensi dalam menangani jenayah mengikut bidang tugas masing-masing. Laporan kejayaan menangani jenayah dalam skop tugas agensi-agensi yang berkaitan akan turut meningkatkan persepsi rasa selamat masyarakat dan sekali gus mampu menambah rasa yakin masyarakat terhadap agensi-agensi yang terlibat. Hebahan kejayaan ini termasuklah maklumat mengenai jenis dan nilai rampasan atau aset sindiket yang berjaya dirampas.

Selain daripada itu, laporan kejayaan ini juga mampu menaikkan semangat kakitangan agensi itu sendiri seperti penguat kuasa. Sebagai contoh, kejayaan agensi penguat kuasa menghalang kegiatan penyeludupan, penculikan atau pencerobohan sempadan sama ada di kawasan perairan atau sempadan negara mampu meningkatkan kepercayaan masyarakat terhadap keselamatan setempat. Kejayaan-kejayaan yang dilaporkan secara meluas di media juga mampu meningkatkan persepsi keselamatan di kalangan masyarakat kerana ia menunjukkan kesungguhan kerajaan dalam menjamin keselamatan rakyat.

Mengumumkan dari semasa ke semasa penambahan dan pembelian aset baharu/logistik bagi tujuan kawalan keselamatan sempadan. Hebahan mengenai penambahan logistik ini dapat meningkatkan persepsi rasa selamat masyarakat apabila mereka yakin akan kekuatan dan kemampuan agensi keselamatan yang dipertanggungjawabkan. Selain daripada itu, kekerapan laporan mengenai penambahan atau pertukaran pegawai di lapangan seperti kawalan di sempadan atau SJR juga mampu meningkatkan persepsi selamat

masyarakat. Kekerapan pertukaran anggota yang bertugas juga mampu mengelakkan masalah salah laku seperti rasuah yang boleh menyumbang kepada faktor jenayah di sempadan.

Hebahan kesan dan risiko aktiviti jenayah sempadan. Memperbanyakkan kempen dan hebahan kepada masyarakat mengenai pembaziran wang kutipan cukai dan kesan buruk aktiviti pencerobohan nelayan asing, penyeludupan barangan bersubsidi, kawalan, bercukai dan wang haram. Meningkatkan hebahan kerjasama dengan agensi penguat kuasa negara jiran dalam membanteras pencerobohan sempadan dalam meningkatkan kawalan keselamatan sempadan. Program pembaharuan teknologi dalam sistem pengurusan sempadan juga perlu diadakan.

Memperbanyakkan maklumat akses terbuka di laman sesawang agensi/KDN mengenai kejayaan dan pemeraksanaan agensi penguatkuasaan. Selain daripada hebahan di media perdana atau media baharu, setiap agensi boleh mewujudkan pangkalan data yang boleh diakses secara terbuka di laman sesawang mereka. Maklumat yang boleh dikongsi dan diakses ini termasuklah maklumat mengenai nilai rampasan, tangkapan, sitaan, hukuman dan pelaku kesalahan.

Penerbitan bahan-bahan yang bersesuaian dengan fahaman dan keadaan masyarakat Malaysia. Jenayah ideologi yang melibatkan ajaran sesat, liberalisme, LGBTQ, ekstremisme dan kes hasutan juga turut merekodkan persepsi negatif masyarakat. Media massa yang terdiri daripada media cetak dan elektronik/sosial perlu memperbanyakkan lagi terbitan yang bersesuaian dengan masyarakat Malaysia, dengan hebahan amalan-amalan Islam yang boleh diterima oleh masyarakat Malaysia. Media perlu menghasilkan lebih banyak maklumat atau rencana bagi menangani fahaman songsang agama, LGBTQ, ekstremisme. Masyarakat perlu didedahkan dengan bahayanya ideologi-ideologi ini jika dibiarkan berleluasa.

Mewujudkan lebih banyak laman sesawang atau sumber semakan berita seperti Portal MySebenarnya. Memperbanyakkan hebahan dan galakan untuk masyarakat menggunakan Portal MySebenarnya bagi mengetahui kesahihan sesuatu berita. Peranan portal sebegini mampu meningkatkan rasa

selamat masyarakat apabila mereka dengan mudah dapat menilai kesahihan sesuatu berita yang tersebar.

ii) **Khidmat Pesanan Masyarakat**

Lebih banyak program berbentuk pesanan khidmat masyarakat perlu diadakan dan dihebahkan secara kerap dan meluas. Program ini boleh dihebahkan melalui medium media yang sesuai sama ada di televisyen, radio atau media baharu seperti Instagram, Facebook, YouTube dan juga TikTok. Melalui program ini, masyarakat boleh diingatkan dan diberikan pendedahan mengenai teknologi dan cara terkini bagaimanakah modus operandi sindiket penipuan seperti *Macau Scam*, cabutan bertuah, pembelian atas talian, Ah Long, pinjaman tidak wujud mahupun penyamaran.

Kempen berterusan terhadap bahaya penggunaan dadah juga perlu diteruskan melalui semua saluran media yang ada. Kempen bahaya dadah ini juga boleh memperbanyakkan penggunaan terma yang bersesuaian: contoh *former addicts; reformed addicts* kepada *person in recovery, person in long-term recover*. Hebahan maklumat mengenai kejayaan pemulihan (*non-stigmatized and non-discriminatory terms*) boleh meningkatkan persepsi bahawa penagih boleh pulih sepenuhnya.

Selain daripada itu, kempen bagi meningkatkan kesedaran masyarakat terhadap keselamatan di sempadan juga boleh dijalankan seperti kempen menasihati dan mengingatkan penduduk di kawasan sempadan yang ingin menjalankan aktiviti sosial atau ekonomi supaya memasuki negara jiran secara sah.

Selain daripada itu kempen ini juga boleh menekankan tanggungjawab kolektif dan moral penduduk setempat di sekitar sempadan untuk melaporkan aktiviti pencerobohan di kawasan mereka. Program atau kempen khidmat pesanan masyarakat ini perlu menekankan tanggungjawab rakyat Malaysia sebagai mata dan telinga agensi penguat kuasa.

Kempen keselamatan seperti kempen 'Jaga Diri' perlu giat dijalankan di peringkat kebangsaan sama ada di peringkat sekolah mahupun Institusi

Pendidikan Tinggi. Kempen ini melibatkan aktiviti pengenalan kepada asas mempertahankan diri bagi mengelakkan jenayah indeks seperti rompakan, rogol dan curi. Kempen sebegini dapat menunjukkan keprihatinan kerajaan terhadap keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Ia sekali gus membantu meningkatkan persepsi rasa selamat di kalangan masyarakat.

iii) Program Televisyen

Mengadaptasi elemen tapisan terhadap penerbitan program televisyen yang mengandungi unsur-unsur ideologi songsang. Selain daripada itu, rancangan-rancangan televisyen dan hiburan yang memaparkan unsur-unsur ideologi songsang sebegini hendaklah ditapis. Adalah dikhuatiri elemen ini jika dibiarkan secara terbuka tanpa kawalan penapisan yang sewajarnya akan mudah menjadi ikutan mempengaruhi masyarakat secara tidak sedar. Sekiranya program sebegini terus mendapat tempat dan disiarkan di televisyen, pengaruh ideologi sebegini sukar dihentikan. Masyarakat akan melihat itu sebagai satu norma gaya hidup yang boleh diterima ramai (*to appease the (normal) conservative/mainstream group*).

Memperbanyakkan program televisyen/dokumentari kesan buruk jenayah. Program khas atau dokumentari pembanterasannya jenayah ideologi perlu diperbanyakkan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat tentang bahayanya ideologi songsang, ekstremis kepada masyarakat dan negara. Masyarakat perlu didedahkan kepada usaha berterusan oleh kerajaan bagi menangani fahaman ideologi yang boleh merosakkan negara.

Dokumentari Khas. *Live footage* aksi pegawai penguat kuasa mengawal perairan negara, melalui udara dan darat juga boleh membantu meningkatkan persepsi rasa selamat di kalangan masyarakat.

Sekatan/tapisan penggunaan media sosial (sekatan di televisyen atau media milik kerajaan; internet service provider suspends account). Bagi isu seperti LGBTQ, terdapat banyak laman sesawang atau media sosial yang digunakan oleh golongan ini sama ada untuk tujuan sosial atau menjalankan perniagaan. Golongan transgender merupakan golongan yang secara aktif dan terbuka menggunakan media sosial sebagai platform menjalankan perniagaan

mereka. Ini secara tidak langsung menggalakkan golongan ini berleluasa apabila mereka mempunyai pengikut alam maya yang ramai. Pendekatan sekatan/tapisan terhadap penggunaan media sosial bagi golongan ini mempromosikan produk boleh menghalang golongan ini menjadi ikutan dan mempengaruhi masyarakat.

b) Cadangan khusus mengikut Agensi.

Bagi membendung ideologi songsang dan sebagainya, pihak SKMM perlu menyebarkan maklumat secara lebih meluas melalui internet. Selain itu pihak SKMM juga perlu mengambil Tindakan untuk menyekat atau menghalang/menapis aktiviti-aktiviti tidak bermoral di internet.

i) **Unit Komunikasi Korporat (UKK)** setiap agensi perlu melaksanakan program perang saraf dengan melihat keperluan kumpulan sasar bagi memastikan keberkesanan penyampaian maklumat. Sebagai contoh di APMM, adanya program yang dipanggil Program Sahabat Maritim - kampung angkat yang bertindak sebagai pemudah cara dan informan kepada APMM bagi membanteras jenayah maritim. Terdapat juga keperluan peruntukan khas bagi unit komunikasi korporat supaya mesej dapat disalurkan kepada media utama berbanding dengan hanya menggunakan hubungan dan rangkaian sedia ada. Selain daripada itu, keperluan pertambahan perjawatan teknikal bagi pengurusan dan produksi media untuk mengurangkan kebergantungan kepada vendor luar yang mengenakan caj upah yang tinggi.

ii) **Unit Media RELA** di setiap daerah mempunyai KPI khusus bagi pengurusan media. Terdapatnya keperluan bagi mempertingkatkan unit media dengan menambah peruntukan bagi latihan dan pembelian aset untuk pelaporan media.

iii) Bagi Agensi **ESSCOM** pelaksanaan program yang membantu peningkatan sosio-ekonomi dengan seperti program pemindahan penduduk di perkampungan air yang dilihat mampu membantu agensi ini dalam membanteras kegiatan seperti penyeludupan dan juga kegiatan lanun atau penculikan. Ini adalah kerana hubungan baik yang terbina dengan penduduk setempat yang pada akhirnya diharapkan penduduk setempat ini dapat

menyalurkan maklumat yang diperlukan. Selain daripada itu juga dicadangkan pendekatan menggunakan Jemaah Tabligh bagi memantau dan membanteras jenayah ekstremisme. Hebahan maklumat kepada penduduk setempat bagi bersama-sama menjaga keamanan dan keselamatan ini perlulah diperhebatkan.

iv) Bagi pihak **UKK KDN**, mesyuarat komunikasi strategik dengan agensi yang dijalankan secara berkala untuk membincangkan strategi bagi menjawab isu-isu berbangkit. Hebahan maklumat dilaksanakan dengan mengguna pakai kombinasi media konvensional dan media sosial berikutan kecenderungan semasa masyarakat dalam menggunakan media sosial dan masih lagi terdapat sebilangan masyarakat yang masih lagi bergantung kepada penggunaan media konvensional dalam mendapatkan maklumat. Selain daripada itu, agensi perlu melipatgandakan usaha untuk menangani isu-isu unik dan aduan yang memerlukan perbincangan khusus dan kerjasama erat antara pihak **KDN**, **SKMM** dan agensi berkaitan (*inter-agensi*).

6. KESIMPULAN

Cadangan-cadangan yang dikemukakan bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap isu-isu yang telah dikenal pasti adalah selari dengan strategi-strategi utama di bawah teras-teras DKKA (2019). Secara keseluruhannya, cadangan-cadangan yang dikemukakan merangkumi tiga jenis kaedah utama yang boleh diguna pakai bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat iaitu pencegahan dan pemantauan, penguatkuasaan undang-undang dan libat urus masyarakat. Sebahagian cadangan yang dikemukakan adalah pengulangan kepada cadangan bagi isu-isu yang lain, memandangkan persepsi positif masyarakat bagi isu-isu tersebut boleh ditingkatkan melalui cadangan-cadangan dan tindakan yang sama. Pelaksanaan cadangan juga melibatkan pelbagai agensi-agensi penguatkuasaan di bawah KDN dan bukan KDN. Selain itu, pelaksanaan cadangan-cadangan yang dikemukakan perlu mengambil kira pandangan agensi-agensi penguatkuasaan yang terlibat, khususnya yang dinamakan sebagai agensi peneraju. Pelaksanaan cadangan ini juga memerlukan sinergi di antara agensi-agensi, bahagian dan unit di bawah KDN dengan agensi-agensi dari Kementerian lain. Bagi tujuan keselarasan, sebuah Jawatankuasa

Pemandu (*Steering Committee*) dan Pasukan Petugas (*Task Force*) bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap keselamatan dan ketenteraman yang melibatkan kesemua agensi dan Kementerian yang dinamakan sebagai agensi peneraju dan sokongan perlu diwujudkan.

Walau bagaimanapun, perlu diberi penekanan bahawa, kesemua cadangan ini perlu mengutamakan kaedah perang saraf bagi menangani persepsi selaras dengan perkembangan teknologi semasa yang menyaksikan kewujudan cabaran dan keperluan kepada pemahaman terhadap isi kandungan bahan-bahan media dan dalam konteks ini ia merujuk kepada literasi media dalam kalangan masyarakat. Selain itu, ketampakan pelaksanaan cadangan-cadangan amat penting bagi meningkatkan persepsi positif masyarakat terhadap kawalan keselamatan sempadan negara. Justeru, setiap cadangan yang dilaksanakan perlu dihebahkan kepada masyarakat khususnya segmen masyarakat yang menjadi sasaran agar persepsi yang positif boleh terbentuk. Secara realistiknya, pelaksanaan cadangan-cadangan ini memerlukan pemantapan dari aspek sumber manusia terutamanya berkaitan dengan kompetensi penguat kuasa. Selain itu, sebahagian cadangan memerlukan perolehan aset dan kelengkapan yang berteknologi terkini bagi memantapkan operasi-operasi penguatkuasaan.

Namun demikian, bagi meningkatkan persepsi yang lebih positif di kalangan masyarakat, penggunaan pelbagai kaedah perang saraf media adalah penting bagi memastikan keberkesanan penyampaian maklumat secara berterusan khususnya terhadap kumpulan-kumpulan sasaran yang telah dikenal pasti. Bagi mengukur keberkesanan inisiatif-inisiatif yang dijalankan, kajian keberkesanan perlu dijalankan dari semasa ke semasa supaya penambahbaikan terhadap program-program dapat dilakukan bagi meningkatkan keberkesannya terhadap masyarakat.

RUJUKAN

- DKKA (2019). Dasar Keselamatan dan Ketenteraman Awam (2019).
Kementerian Dalam Negeri Malaysia
https://www.moha.gov.my/images/DKKA/DKKA_Final_2510_email_Buku.pdf.
- PSI (2020). Kajian Indeks Persepsi Keselamatan Malaysia (PSI) Tahun 2020.
Kementerian Dalam Negeri Malaysia.
- PSI (2021). Kajian Indeks Persepsi Keselamatan Malaysia (PSI) Tahun 2021.
Kementerian Dalam Negeri Malaysia.